

JILID 28

BILANGAN 3

JUN 2013

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

# Wadiah

Meningkatkan Apresiasi Sastera

Jamdin Buyong  
Ikon Sastera dan Budaya Malaysia

Cerpen Mencipta Cara Hidup Berbudaya

ISSN 0127-09653



9 770127 096538



# TOKOH PILIHAN

## Datuk Haji Jamdin bin Buyong

oleh NOORZANANI HAJI KATA

Jamdin Buyong (Datuk) atau lebih dikenali dengan nama pena seperti Norsabah, Nordi, Jambo dan lain-lain merupakan penulis yang produktif dan prolifik di negeri Sabah. Garapan karya yang dihasilkan oleh beliau banyak berkisar tentang kehidupan sejagat. Buku beliau yang bertajuk *Ada dalam Tiada* merupakan himpunan puisi beliau yang memancarkan idea serta ketajaman fikiran dan luahan perasaan beliau sebagai seorang penyair. Hingga kini, beliau telah menghasilkan lebih 200 buah karya puisi yang menyimpulkan lautan rohani, budaya, benih sejarah, gedung ilmu, lopak luka, dan gerimis rindu dalam liku-liku perjalanan hidup beliau. Semua ini disatukan dalam jahitan dan sulaman bahasa yang gramatis dan halus.

Jamdin Buyong yang dilahirkan pada 5 September 1946 di kampung Putatan, Penampang Sabah merupakan penulis yang sangat aktif dari zaman 1960-an hingga kini. Sebelum bersara wajib dalam perkhidmatan awam pada tahun 2002, beliau pernah menjawat beberapa jawatan antaranya Pembaca Berita Melayu Sambilan Radio dan Televisyen Sabah, Pembaca Berita Bajau Sambilan Radio, Wartawan dan Editor Melayu *Sabah Times*, dan *Daily Express*. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Biro Bahasa Malaysia merangkap Setiausaha Lembaga Peperiksaan Awam Negeri Sabah, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Pengarah Muzium, Setiausaha Akhbar kepada Ketua Menteri dan jawatan terakhir sebelum bersara ialah Pengarah Jabatan Cetak Negeri Sabah. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, dan Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dari tahun 2002 hingga 2012.

Jamdin Buyong menerokai pelbagai genre sastera kreatif iaitu puisi, cerpen dan drama. Beliau begitu menonjol dalam bidang puisi dan dua buah puisi beliau iaitu “Langit Merah” dan “Kematian Kekasih” telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1971 dan 1973 (anugerah pertama dari Sabah). Selain itu, beliau telah menerima anugerah Pahlawan Bahasa, Sastera dan Budaya Sabah pada tahun 1984 dan anugerah Tokoh Penulis Sabah pada tahun 1989.

Dalam bidang kebahasaan, beliau juga merupakan salah seorang tokoh yang terlibat dalam memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu di Sabah. Kemuncak perjuangan beliau itu ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Sabah pada 31 Ogos 1973. Dari segi berpersatuan, beliau telah dilantik menjadi Setiausaha 1, Badan Bahasa Sabah (BAHASA) yang pertama, pada 15 Mac 1970. Melalui BAHASA, beliau dan rakan-rakan beliau telah berjaya menyatukan perpaduan penulis pada awal tahun 1970-an.

Sebagai mengenang jasa dan bakti, beliau telah dianugerahkan beberapa Darjah dan Bintang Kebesaran seperti Bintang Setia Kinabalu (BSK) pada tahun 1971, Bintang Ahli Darjah Kinabalu (ADK) pada tahun 1985, Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) pada tahun 1991, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kesatria Mangku Negara (KMN) pada tahun 2002.



**Ketua Editor**

Haji Jamaluddin Mohd Sulong  
(jamal@dbp.gov.my)

**Timbalan Ketua Editor**

Norjanah Yusof  
(norjanah@dbp.gov.my)

**Editor**

Noorzanani Haji Kata  
(nani\_k@dbp.gov.my)

**Sidang Editor**

Muziat Yusuf  
Mohd. Almiey Mohd. Ali

**Fotografi**

Logiman Juakim Gamad

**Pentadbiran**

Debbie Benjamin  
Hassan Hussin

---

**Ketua Pengarah**

Datuk Dr. Haji Awang Sariyan

**Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)**

Dr. Haji Zaharani Ahmad

**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**

Kamarul Zaman Shaharudin

---

*Wadah* diterbitkan sejak Oktober 1986. Hak Cipta Terpelihara. Karya yang dikirinkan kepada *Wadah* hendaklah merupakan tulisan sendiri, dan belum pernah disiarkan di mana-mana media cetak. Karya yang tersiar boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Sidang Editor berhak menyunting karya yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian *Wadah*. Segala sumbangan yang dikirinkan tidak akan dikembalikan. Sidang Editor juga tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan karya yang dikirinkan.

Apabila mengirinkan sebarang karya, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat surat-menyurat yang tepat dan lengkap dengan poskod. Tanpa maklumat ini, karya yang dikirinkan kepada kami tidak akan disiarkan. Sila alamatkan karya anda kepada:

Editor *Wadah*,  
Unit Penerbitan, DBP Cawangan Sabah,  
Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

**DICETAK OLEH**

Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.,  
Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial,  
Lorong Buah Salak 5, 11.2 km. Jalan Tuaran,  
P.O.Box 20148, 88758 Luyang, Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel.: 088-387214 Faks: 088-384214 E-mel: pbrayakk@gmail.com

**REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN**

Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.

## DARIPADA KETUA EDITOR

Pejuang Bahasa Merealisasikan Kelangsungan DBP 5

## FOKUS

Jamdin Buyong Ikon Sastera dan Budaya Malaysia 6  
 • *Hasyuda Abadi*

Suara Penulis Pemangkin kepada Penubuhan DBP Cawangan Sabah 12  
 • *Jamdin Buyong*

## RENCANA

Iktibar daripada Karya Tradisi: Seni Bukan Politik tetapi Tanpa Seni Tiadalah Politik 18  
 • *Lokman Abdul Samad*

*Mariga*: Menemukan Keunggulan Penulisan Amil Jaya 22  
 • *Asmiaty Amat*

## PUISI

Istana bersama Ayah 16  
 • *Ami Syarif*

Keanehan 17  
 • *Otak Jalama*

Suara Rindu 17  
 • *Noratifah Jufirin*

Membalas Surat Elizabeth 37  
 • *Ramlie A.R.*

Apakah Ada Kesudahan di Penghujungnya? 52  
 • *Baharom Mohd Noor*

Riang Ria 53  
 • *Sanelawa*

Uban 53  
 • *Kamal Ishak*

Kupintal Awan 53  
 • *Mad Sakiran Haji Sulaiman*

Apakah yang Kaucari; Diri 54  
 • *A. Karim Kadir*

Makam Rindu 55  
 • *Jaliha Jaman*

Dari Raut Wajah Itu 55  
 • *Rozeline Vitalis*



## CERPEN

Kain Kuning 32  
 • *Sitti Rahmah G. Haji Ibrahim*  
 Pak cik 38  
 • *N.R. Rahim*  
 Paragraf Hidup 44  
 • *Dayangku Mastura*

## KEGIATAN

Pelancaran Pertandingan Menulis Novel Remaja 2013 42  
 • *Maslijan Abd. Rasad*  
 Pelancaran Pertandingan Menulis Buku Umum Kategori Sejarah 43  
 • *Mohd. Almiey Mohd. Ali*

## ULASAN BUKU

Hidup itu Perjuangan 48  
 • *Zaharudin Abd. Rahman*

## ANALISIS PUISI PILIHAN

Apresiasi Tiga Puisi Pilihan 50  
 • *Zaiton Ajamain*

## ANALISIS CERPEN PILIHAN

Cerpen Mencipta Cara Hidup Berbudaya 56  
 • *S.M. Zakir*



## *Pejuang Bahasa Merealisasikan Kelangsungan DBP*

**B**ersempena dengan ulang tahun Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ke-57 pada 22 Jun 2013, wajarlah kita mengimbas peranan pejuang bahasa dan menghargai mereka seperti Allahyarham Tun Syed Nasir dan Allahyarham Datuk Hassan Ahmad yang merupakan antara insan penting yang telah merealisasikan hasrat dan impian masyarakat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Pahit getir perjuangan mereka telah memungkinkan penubuhan DBP yakni agensi yang diberikan amanah untuk memartabatkan bahasa kebangsaan di negara ini. Peristiwa Keranda 152 antara perkara penting yang telah meletakkan bahasa Melayu pada tempatnya kini.

Di Negeri di Bawah Bayu ini, perjuangan beberapa orang penting dalam sejarah memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan harus dikenang, dan diketahui oleh generasi muda. Selain Datuk Zakaria Gun, Datuk Zulkifli Abdul Hamid, tokoh yang ditampilkan dalam keluaran *Wadah* pada kali ini, Jamdin Buyong (Datuk) juga merupakan salah seorang pejuang bahasa di negeri Sabah. Berbekalkan semangat tegar beliau dan beberapa orang pejuang bahasa, kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang pentingnya bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negeri Sabah diberikan melalui kunjungan ke seluruh pelosok negeri Sabah. Usaha beliau dan rakan-rakan berbaloi apabila pada 16 September 1973, Kerajaan Negeri Sabah mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negeri Sabah.

Sumbangan Jamdin Buyong dalam mengangkat prestij bahasa Melayu khususnya dalam perkhidmatan awam negeri Sabah merupakan antara sumbangan besar beliau. Beliau telah merancang, menggubal dan melaksanakan format kertas bahasa Inggeris kepada format kertas bahasa Melayu dalam semua Peperiksaan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. Semangat juang tokoh ini, bermula dengan penulisan puisi dan cerpen dalam bahasa Melayu. Puisi-puisi beliau bertemakan romantik, bebas dan patriotik. Beliau juga turut menyumbang tenaga dalam dunia penyiaran, media cetak, aktif dalam drama pentas, meminati seni lukis dan menelusuri bidang sejarah serta budaya. Seajar dengan sumbangan besarnya dalam dunia kesusasteraan, kebahasaan dan kebudayaan, Jamdin Buyong telah menerima beberapa pengiktirafan daripada kerajaan dan institusi pengajian tinggi.

Tokoh yang kami ketengahkan pada keluaran kali ini, Jamdin Buyong pastinya akan menjadi inspirasi kepada kita dan generasi muda tentang semangat serta jiwa kental beliau memperjuangkan bahasa Melayu dalam pelbagai bentuk sama ada dalam penulisan sastera, perkhidmatan awam, sejarah dan budaya. Tanpa insan-insan seperti mereka yang berjuang untuk bahasa, pastinya tidak wujud agensi khusus yang bertanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara secara terancang dan meluas yakni DBP.

Semoga lebih ramai generasi muda yang akan melestarikan perjuangan pejuang bahasa di negeri kita ini. Mari bersama-sama mengukuhkan semangat dan meneladani para pejuang bahasa. Pejuang bahasalah yang telah memungkinkan kelangsungan DBP. Hargai mereka, sanjungi mereka.

Salam “Bahasa Jiwa Bangsa”.

Haji Jamaluddin Mohd Sulong

# Jamdin Buyong

## Ikon Sastera dan Budaya Malaysia

oleh HASYUDA ABADI

**I**kon merujuk kepada perkara yang dikagumi sebagai ingatan untuk dicontohi, bukan untuk dipuja atau disembah. Secara umumnya, ikon bermaksud tokoh untuk dijadikan contoh. Ia boleh dianggap sebagai personaliti model dalam apa jua bidang. Ikon tidak seperti selebriti dalam dunia hiburan dan sukan. Lazimnya, ia merangkumi tokoh-tokoh politik atau korporat yang dikagumi untuk dijadikan contoh.

Dalam artikel ini, ikon yang penulis perkatakan ialah tokoh budaya, sastera, dan bahasa yang disegani iaitu Yang Berbahagia Datuk Haji Jamdin bin Buyong (selepas ini disebut Jamdin Buyong). Beliau banyak mencurahkan sumbangan kepada negara melalui kegiatan yang berterusan dalam memartabatkan sastera dan kebudayaan di negeri Sabah khasnya dan Malaysia amnya. Kebolehan beliau dalam menyatukan dan memanfaatkan tiga elemen, iaitu bakat, ilmu dan daya kreatif dalam diri beliau yang berkaitan penulisan, penterjemahan, dan lakonan telah menjadi teras yang penting untuk memperkembangkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu.

### Jamdin Buyong sebagai Ikon Individu

Dalam catatan yang dimuatkan dalam biografi keluarga beliau yang bertajuk “Miskin Bukan Penghalang”, Jamdin Buyong menjelaskan kemiskinan bukan penghalang untuk maju ke hadapan jika dihadapi dengan penuh kebijaksanaan. Catatan itu merupakan pengakuan yang jelas tentang latar belakang beliau sejak kecil bersama keluarga beliau yang miskin dan serba kekurangan.

Jamdin Buyong berketurunan Melayu

yang salasilahnya berasal dari Kampung Bacang, Melaka. Salasilah keluarga Jamdin Buyong amat besar. Jamdin Buyong ialah anak keempat daripada lima adik-beradik. Beliau lahir di Putatan, Sabah pada 5 September 1946. Walaupun berketurunan Melayu, perwatakan dan jiwa beliau telah sehati sebagai orang Bajau, kerana dilahirkan dan dibesarkan di tengah-tengah masyarakat Bajau.

Beliau mendapat pendidikan awalnya di Government Primary School Buit Hill, Putatan pada tahun 1952 hingga 1959. Semasa bersekolah, beliau sentiasa menolong ibu bapa beliau menjual kuih di sekolah, berniaga di warung, bersawah padi dan menangkap ikan di laut dan di paya. Pada sebelah malam, beliau belajar agama dengan bimbingan imam di kampung. Di sekolah, Jamdin Buyong aktif sebagai kapten pasukan pengakap. Sepanjang persekolahan, beliau sering mendapat tempat pertama atau kedua dalam setiap peperiksaan di peringkat sekolah rendah dan *distinction* di peringkat sekolah menengah. Berdasarkan kecemerlangan dalam pendidikan, beliau mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran menengah di Sabah College (Maktab Sabah), Kota Kinabalu pada tahun 1960.

Bagaimanapun, persekolahan beliau terganggu apabila ayah beliau jatuh sakit dan beliau terpaksa kembali menetap di kampung. Derita hidup keluarga beliau memaksa Jamdin Buyong meninggalkan bangku sekolah pada tahun 1962. Bagi mengubat kekecewaan, beliau menguatkan semangat untuk menghadapi realiti hidup dengan mengembara berjalan kaki seorang diri dari Kota Kinabalu ke Weston dan seterusnya berperahu ke Labuan pada tahun 1962. Selain itu, bagi membantu

keluarga semasa ayah beliau terlantar di hospital, beliau bekerja sebagai pembuang sampah, buruh dan pekerja kilang. Bagi menyambung pelajaran menengah, Jamdin Buyong belajar secara pos dan akhirnya berjaya melepasi *Qualifying Test* untuk menduduki peperiksaan MCE. Pada masa yang sama, beliau diterima bekerja sebagai juruhebah dan pembaca berita sambilan di Radio Sabah dan seterusnya pembaca berita di Radio Televisyen Malaysia (RTM) apabila RTM memulakan siaran. Kerja sambilan ini berterusan dari tahun 1962 hingga tahun 1973. Beliau juga pengasas dan orang pertama yang menyelenggarakan siaran dalam bahasa Bajau di radio secara sambilan pada tahun 1960-an.

Ketika berumur 17 tahun, Jamdin Buyong melibatkan diri dalam dunia persuratkhabaran dengan bekerja sebagai wartawan, penterjemah dan penolong pengarang akhbar *Sabah Times* pada tahun 1963 dan dua tahun kemudian, beliau dinaikkan pangkat sebagai pengarang, menggantikan Allahyarham K. Bali. Pada bulan Januari 1969, beliau berpindah ke akhbar *Daily Express* sebagai pengarang.

Ketika pentadbiran negeri Sabah memerlukan pegawai yang mahir dalam bidang penulisan dan penterjemahan, Jamdin Buyong menawarkan diri. Beliau meninggalkan alam persuratkhabaran dan menyertai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah pada tahun 1970 sebagai Pegawai Penterjemah di Biro Bahasa Malaysia, Jabatan Ketua Menteri. Meskipun suasana kerja tersebut berlainan, beliau terus berjaya dalam kerjaya. Mula-mula dinaikkan pangkat ke jawatan Setiausaha Biro Bahasa Malaysia, kemudian sebagai Penolong Ketua Biro dan seterusnya sebagai Pemangku Ketua Biro.

Pada pertengahan tahun 1980-an, Jamdin Buyong bertugas sebagai Ketua Penolong Pengarah, mengetuai Bahagian Peperiksaan dan Pengembangan Bahasa Malaysia, Jabatan Ketua Menteri. Bahagian ini bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam pengembangan bahasa Melayu. Beliau juga menjadi Setiausaha Lembaga Peperiksaan

Perkhidmatan Awam Negeri Sabah pada tahun 1980 hingga 1994. Jamdin Buyong bertanggungjawab membina dan mengembangkan sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah selama 14 tahun. Kemudian beliau bertugas sebagai Pengarah, Muzium Sabah. Dalam perkhidmatan ini, beliau banyak mengubah dan mencorakkan semula imej Muzium Sabah. Antara usaha beliau ialah memperengkap pameran di setiap sudut ruang bangunan Muzium Sabah, merancang mewujudkan cawangan muzium di beberapa daerah dan menaik taraf Pameran Rumah Tradisi menjadi Kampung Warisan, di Muzium Sabah. Setelah berjaya mencapai visi dan misinya di Muzium Sabah, Jamdin Buyong berpindah tugas sebagai Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Sabah, pada akhir tahun 1996 hingga bersara. Setahun kemudian Jamdin Buyong dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia selama 10 tahun sebelum bersara pada 4 September 2013.

Pengalaman hidup di kampung nelayan dan petani telah mempengaruhi jiwa beliau dan mendorong beliau menjadi penulis dan pelukis. Beliau mula menulis cerpen pada tahun 1959, tetapi hanya mendapat tempat untuk siaran Radio Sabah pada tahun 1960. Cerpen-cerpen awal beliau bertemakan kemunduran dan kemiskinan masyarakat Kampung Kepayan Dua.

### **Jamdin Buyong sebagai Ikon Sasterawan**

Memperkatakan tentang dunia sastera, Jamdin Buyong tidak pernah melupakan kumpulan yang dikenali sebagai tiga serangkai yang dianggotai oleh tiga orang sasterawan Sabah yang terkenal, iaitu Datuk Haji Shuhaibun Yussuf (Allahyarham), Datuk Mohd Yaman Ahmad Mus (Allahyarham) dan Mohd Tahir Abdul Hamid (Kisnawati). Kumpulan ini telah memberikan warna tersendiri dalam dunia penulisan beliau. Selain tiga tokoh yang disebutkan tadi, seorang lagi tokoh pengarang yang mendorong Jamdin Buyong terlibat aktif

sebagai sasterawan iaitu M.A. Rahman (Allahyarham). M.A. Rahman merupakan peniaga buku yang tidak asing di Sabah pada tahun 1960-an.

Menerusi cerpen, selain menggambarkan kemiskinan hidup di kampung, beliau juga melukiskan resah hati masyarakat bandar. Ini dapat diikuti melalui cerpen, “Gadis Cina”, “Situat” dan “Kucing”. Pada awal tahun 1970-an, beberapa buah cerpen beliau menggambarkan realiti hidup yang tragis, seperti yang terdapat dalam cerpen “Isteri dan Kubur”, “Kenangan di Jalan Hujung” dan “Menanti Anak Pulang”. Dalam menghasilkan cerpen, Jamdin Buyong mempunyai teknik, gaya dan kekuatan yang tersendiri, khususnya dari segi pemilihan tema dan persoalan. Tumpuan beliau adalah terhadap citarasa, norma dan nilai serta sikap masyarakat sekeliling beliau pada ketika itu. Kebanyakan cerpen beliau tersiar dalam akhbar *Sabah Times* dan *Daily Express*.

Puisi Jamdin Buyong mula tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan pada awal tahun 1960-an. Pada peringkat ini, nama beliau tidak mendapat perhatian sehinggalah beliau diumumkan sebagai penerima Hadiah Karya Sastera pada tahun 1971 dengan dua buah puisinya yang berjudul “Langit Merah” dan “Kematian Kekasih Bumi”. Kepenyairan beliau bermula daripada puisi-puisi romantik dan rintihan yang terikat oleh unsur-unsur dan gaya sastera lama seperti yang terlihat dalam puisi “Kerinduan”, “Mengapa Bulan Tiada Mengambang” dan “Gadis di Beranda”. Kemudian, penciptaan puisi beliau bertukar kepada bentuk bebas, bernada patriotik dan lantang. Antara puisi patriotik beliau ialah “31 Ogos”, “Satu Timbunan Hati”, “31 Ogos dalam Cinta” dan “Cahaya dari Seberang”. Dengan suara lantang, beliau turut menentang musuh kemerdekaan seperti yang tersurat dalam “Mat Salleh Belum Mati”, “Tulang-tulang Serata” dan “Cerita yang Belum Selesai”. Dalam mengisi kemerdekaan, beliau memperjuangkan kaum yang tertindas, iaitu petani dan nelayan yang tergambar dalam sajak

beliau yang bertajuk “Hujan di Desa”, “Penghuni Terbiar”, “Kematian Kekasih Bumi”, dan “Nelayan Pulang”.

Puisi-puisi lama dan terbaharu Jamdin Buyong telah dibukukan dalam Kumpulan Puisi *Ada dalam Tiada* yang diterbitkan oleh DBP pada tahun 2008. Antara puisi-puisi yang banyak mempengaruhi kehidupan beliau sepanjang terlibat dalam dunia penulisan puisi ialah puisi “Kolam di Kaki Bukit”. Puisi ini menceritakan musibah kehilangan anak lelaki beliau yang bergelut dengan maut di sebuah kolam berhampiran rumah beliau. Jamdin Buyong turut terlibat dalam pemartabatan bahasa Melayu. Beliau menyelami kegelisahan para cendekiawan bangsa seperti Tan Sri Awang Had Salleh, Prof. Datuk Dr. Mohd Taib Osman, Prof. Emeritus Dato Dr. Asmah Haji Omar, Tan Sri Ismail Hussein, Datuk A. Aziz Deraman, Datuk Awang Sariyan dan Prof. Datuk Dr. Nik Safiah Karim yang terus bersuara untuk memperkasa dan memartabatkan bahasa kebangsaan.

Jamdin Buyong juga ialah salah seorang daripada sejumlah kecil penyair yang aktif dalam pembacaan/deklamasi puisi pada tahun-tahun 1960-an dan berterusan hingga kini. Kali pertama beliau membaca puisi ialah di Istana Kota Kinabalu pada tahun 1982. Selepas itu, beliau sering diundang membaca puisi dalam majlis-majlis perayaan dan keriaan. Pada tahun 1992, beliau terpilih mewakili Malaysia dalam Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur.

Jamdin Buyong pernah berkecimpung dalam drama pentas sebagai pelakon dalam beberapa persembahan sandiwara pada awal tahun 1960-an. Antaranya, sebagai pelakon utama sandiwara “Ratapan Ibu” yang dipentaskan di Putatan, Kota Kinabalu, Menggatal, Kinarut dan Papar untuk mengutip derma bagi Tabung Pembinaan Masjid Putatan. Kemudian beliau menulis skrip drama dan mengarah beberapa buah drama pentas. Antaranya ialah drama “Bajau 64” pada tahun 1964. Drama pentas beliau yang berjudul “Mat Salleh” pula dipentaskan secara besar-besaran



atas arahan beliau sendiri di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu pada malam 14 November 1972, yang disaksikan oleh ribuan penonton termasuklah para pembesar negeri. Melalui persembahan itu, Jamdin Buyong berjaya menonjolkan imej baharu Mat Salleh dan para pengikutnya sebagai wira tanah air, bukan penjenayah dan pengkhianat seperti yang digambarkan oleh penulis barat. Selepas itu, beliau sering diberi tanggungjawab sebagai Ketua Panel Hakim Pesta Drama dan Tarian Peringkat Negeri Sabah dan menjadi penasihat kepada beberapa badan drama dan tarian.

Selain menghasilkan karya sastera, Jamdin Buyong juga memiliki bakat dalam bidang seni lukis. Beliau mula bergiat dalam seni lukis pada tahun 1959 dan telah memperolehi *Certificate of Merit* oleh *Cleenbrook School of Art, Australia*, pada tahun 1961. Beliau pernah dikenali dengan nama “Jambo” dengan lukisan-lukisan karikatur tokoh-tokoh politik. Antara karakter popular yang menjadi bahan karya beliau ialah Presiden Indonesia Sukarno sewaktu konfrontasi Indonesia-Malaysia, Presiden Filipina Ferdinand Marcos semasa tuntutan Filipina ke atas Sabah dan juga tokoh-tokoh Malaysia sendiri seperti Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak dan para pemimpin tempatan seperti Allahyarham Tun Datu Mustapha. Apabila beliau menyertai Perkhidmatan Awam, beliau tidak lagi melukis kartun, sebaliknya menghasilkan lukisan abstrak dan kontemporari. Beliau pernah menyertai beberapa pameran lukisan di Balai Seni Lukis Sabah pada tahun 1980-an. Beliau juga menjual karya lukisan untuk pendapatan sampingan.

Jamdin Buyong turut aktif berpersatuan dan pernah menjadi Penolong Setiausaha Persatuan Persuratan Melayu Sabah (APMS) pada akhir tahun 1960-an. Apabila berlaku pergeseran antara APMS dengan Angkatan Penulis Sabah (PERPESA) yang menyebabkan perpecahan dalam kalangan penulis di Sabah, Jamdin Buyong bersama-sama beberapa orang

rakan berusaha menggabungkan APMS dan PERPESA dengan nama baharu, iaitu Badan Bahasa Sabah (BAHASA). Usaha ini berhasil dengan terdaftarnya BAHASA pada 15 Mac 1970. Jamdin Buyong ialah Setiausaha I BAHASA yang paling lama, iaitu sejak ditubuhkan hinggalah pada tahun 1986. Beliau juga ialah Presiden Badan Drama Sabah (1973). Bersama-sama para pejuang bahasa yang lain, beliau menjelajah hampir ke seluruh pelosok negeri Sabah bagi menyedarkan rakyat tentang pentingnya bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Perjuangan itu berhasil apabila pada 16 September 1973, Kerajaan Negeri mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negeri Sabah. Pada tahun 1978 hingga 1985, Jamdin Buyong dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Kebudayaan Kebangsaan selama lima penggal. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pengajian Melayu dalam tahun 1980-an bagi mewakili negeri Sabah. Dengan lantikan ini, beliau dapat meluaskan penglibatan beliau dalam usaha membentuk dan mengembangkan kebudayaan kebangsaan. Beliau terus membantu menjayakan pelbagai program pengembangan kebudayaan kebangsaan dengan memberi ceramah kepada pegawai-pegawai awam dan swasta tentang dasar kebudayaan kebangsaan di seluruh negeri Sabah.

Di samping itu, Jamdin Buyong juga telah diberikan kepercayaan apabila dilantik sebagai Ahli Tribunal Hak Cipta Malaysia sejak 1988 hingga beberapa penggal, dan Ahli Jemaah Universiti Malaya pada tahun 1993 hingga 1996 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebagai tanda penghargaan terhadap perjuangan beliau dalam bidang bahasa, sastera dan kebudayaan, beliau telah dianugerahi “Pahlawan Bahasa, Sastera dan Kebudayaan” oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri pada tahun 1984 dan “Penghargaan Tokoh Penulis” oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sabah pada tahun 1989. Beliau juga telah dianugerahi

Ijazah Kehormat Sarjana Sastera oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun 2006. Pada tahun 2011, Jamdin Buyong menerima anugerah “Budayawan GAPENA” bersempena dengan Hari Puisi Nasional ke-18 di Binsulok, Membakut.

### **Jamdin Buyong Ikon Pemikir Kebudayaan**

Setelah berjaya mengangkat martabat bahasa Melayu di negeri Sabah, Jamdin Buyong diberi tanggungjawab yang lebih besar dan mencabar di peringkat nasional dalam pengembangan bahasa, sastera dan kebudayaan kebangsaan. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengelola DBP pada tahun 2001 hingga tahun 2002. Beliau merupakan pengkaji sejarah yang memperjuangkan kedaulatan masyarakat Sabah. Hal ini merujuk kepada kajian beliau yang tidak bersetuju tentang pandangan para orientalis penulisan sejarah tempatan yang banyak memaparkan keburukan masyarakat peribumi Sabah serta sikap mereka yang *Eurocentric* atau prejudis terhadap masyarakat peribumi Sabah.

Beliau telah menghasilkan rencana berdasarkan kajian beliau sendiri dan banyak kajian tersebut berjaya dibuat dengan memaparkan ketokohan pahlawan Sabah yang berjuang menentang penjajah barat seperti Paduka Mat Salleh, Datu Tating, Syariff Usman, Antanom dan ramai lagi. Salah satu rencana hasil kajian beliau tentang Mat Salleh bertajuk “Penjajah Anggap Mat Salleh Penyamun”.

Jamdin Buyong banyak menyumbang pemikiran beliau tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) menerusi pembentangan kertas kerja yang dianjurkan oleh pelbagai agensi seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Unversiti Kebangsaan Malaysia, GAPENA, DBP dan sebagainya. Jamdin Buyong berpendapat identiti bangsa Malaysia melalui Kebudayaan Kebangsaan bukanlah semata-mata berdasarkan pakaian, tarian, muzik dan sebagainya tetapi juga mencakupi seluruh nilai cara berfikir dan berasa tugas mengembangkan

Kebudayaan Kebangsaan bukanlah terbatas di atas pentas atau melalui kaca televisyen dan radio, tetapi turut dicetuskan dalam setiap perlakuan kehidupan.

Apabila kerajaan melaksanakan dasar pentadbiran cekap, bersih dan amanah, bermakna nilai Kebudayaan Kebangsaan telah diresapkan ke dalam pentadbiran awam. Ciri-ciri cekap, bersih dan amanah adalah ajaran agama ke arah kesempurnaan diri, masyarakat dan negara. Begitu juga apabila kerajaan melaksanakan sistem perakam waktu bagi penjawat awam, ini bermakna bahawa nilai-nilai rajin budaya dalam tradisi masyarakat kita diserapkan dalam pentadbiran awam. Nilai-nilai murni itu telah turun-temurun diamalkan oleh para nelayan, penoreh getah, pekebun dan pesawah yang bangun pada waktu subuh dan keluar rumah awal untuk mencari nafkah.

Jamdin Buyong berkata tiada pengertian yang disepakati oleh para pakar budaya tentang takrifan kebudayaan. Beliau menyimpulkan pelbagai takrifan yang sedia ada bahawa kebudayaan ada hubungan dengan aktiviti manusia yang mempunyai roh dan jiwa. Kebudayaan merupakan “cara berfikir dan cara berasa yang dicipta oleh segolongan manusia yang membentuk kesatuan kemasyarakatan dalam suatu tempat dan suatu zaman bagi melahirkan diri dalam segala bidang kehidupan.”

Dengan pengertian bahawa fikiran dan perasaan itulah yang membentuk kesedaran. Kesedaran melahirkan kemahuan yang menjadi awal perbuatan sedangkan perbuatan digerakkan oleh jasmani manusia terutamanya tangan. Maka segala cita-cita dan perbuatan manusia selama hidupnya dalam rangka perhubungannya dengan manusia lain adalah termasuk di dalam bidang kebudayaan.

Pada tahun 1989, dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan Sabah, Jamdin Buyong menyatakan bahawa selain kekuatan agama, faktor-faktor organisma biologi, unsur-unsur alam sekitar biofizik, nilai-nilai sosial, dan kebudayaan merupakan aspek yang turut memainkan peranan penting dalam


membentuk keperibadian manusia. Manusia memerlukan kebudayaan, kerana kebudayaan berguna untuk melindungi diri dalam pergerakan unsur-unsur alam, menyesuaikan diri dengan evolusi perkembangan sosioekonomi dan politik, mengatur hubungan sesama manusia dan menjadi wadah semua perasaan dan kalbu manusia.

Dari aspek kebudayaan peribumi Sabah, Jamdin Buyong yang cukup berani apabila menegaskan bahawa ciri kebudayaan tradisional peribumi Sabah mempunyai asas falsafah yang murni untuk membentuk keperibadian manusia yang tinggi. Ketika membahaskan isu nilai tradisional peribumi Sabah dalam pengembangan kebudayaan kebangsaan, Jamdin Buyong memaparkan persoalan-persoalan nilai tradisional yang sering dijadikan pikatan kepada para pelancong yang dianggapnya sebagai manusia paling maju dan moden melihat manusia tradisional yang “kolot”, “miskin”, gadis-gadis yang cantik dan sebagainya. Inilah antara gambaran yang menjadi punca nilai-nilai tradisional peribumi Sabah terlalu sukar meresapi kebudayaan kebangsaan untuk menembusi kehidupan masyarakat bandar yang telah diterapi nilai-nilai moden. Padahal, walaupun kemunduran dan kemiskinan dikaitkan oleh amalan tradisional, tetapi bukan semua kebudayaan tradisional berteraskan kekolotan dan kemunduran. Kemunduran dan kekolotan boleh terjadi di mana-mana termasuklah di tengah-tengah Bandar yang besar dan maju dengan kemajuan sains dan teknologinya. Kemunduran itu berkaitan kemiskinan jiwa.

Jamdin Buyong menjadi pencetus kemajuan masyarakat Bajau menerusi usaha gigih beliau mengangkat bahasa Bajau di Sabah. Beliau merupakan orang yang pertama menulis dan menterjemah berita radio daripada bahasa Inggeris ke bahasa Bajau dan orang yang pertama yang membaca berita berkenaan melalui radio Sabah. Beliau banyak mencipta istilah terjemahan dalam bahasa Bajau selama berkhidmat sebagai penterjemah dan pembaca

berita sambil siaran dalam bahasa Bajau di radio yang sebahagian besarnya masih digunakan hingga ke hari ini. Walaupun Jamdin Buyong berasal daripada susur galur orang Melayu, perwatakan beliau seperti orang Bajau begitu menyerlah sehingga menjadi pencetus idea-idea positif seperti pementasan drama dalam bahasa Bajau menerusi “Bajau 1964”. Beliau juga pernah menterjemah puisi ke dalam bahasa Bajau dan sering membentangkan makalah mengenai sejarah dan bahasa Bajau. Pada pandangan Jamdin Buyong, bahasa Bajau bukanlah bahasa yang sempit dan terlalu kecil alamnya, tetapi mempunyai hubungan yang akrab dengan bahasa-bahasa lain di dunia.

Sebagai sebahagian daripada kehidupan insan yang berjiwa seni, Jamdin Buyong sudah tentu tidak akan meninggalkan bakat dan buah fikiran beliau begitu sahaja. Beliau merupakan ikon dan tokoh yang sangat disegani apabila kita melihat kepada perjuangan beliau dalam bidang kesusasteraan, bahasa serta kebudayaan. Bakat beliau yang serba boleh dan versatil khususnya dalam bidang kesenian yang merujuk kepada bidang penulisan, contohnya penulisan rencana, kertas kerja, buku, cerpen, puisi, skrip drama telah meletakkan nama beliau sebaris dengan penulis-penulis ternama di Malaysia. Kebolehan bakat seni yang pelbagai telah menjadikan beliau seniman yang dihormati. Jamdin Buyong juga telah mencatatkan sejarah dalam perkembangan bahasa Melayu di Sabah kerana telah mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Sabah. Pemikiran serta sumbangan beliau sebagai tokoh budaya negeri Sabah akan terus bergemerlapan.

Sewajarnya Jamdin Buyong menjadi ikon serta contoh yang terbaik kepada generasi masa ini atas kebolehan luar biasa beliau itu. Jika dilihat kecenderungan beliau dalam dunia kesusasteraan dan budaya, Jamdin Buyong juga sepatutnya diangkat sebagai penerima anugerah berprestij seperti *Sea Write Award* yang diberikan oleh kerajaan Thailand. Semoga ada usaha daripada pihak-pihak yang berkenaan untuk mencalonkan tokoh besar kesusasteraan dan kebudayaan negeri Sabah itu. 

# Suara Penulis Pemangkin kepada Penubuhan DBP Cawangan Sabah

oleh JAMDIN BUYONG

**B**ahan bacaan umum terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mula sampai secara terhad kepada masyarakat umum di Sabah pada akhir tahun 1950-an melalui beberapa toko buku Melayu, antaranya toko buku M.A. Rahman di Tuaran. Beliau mengedarkan buku-buku dari Tanah Melayu dan Indonesia termasuklah buku-buku dan majalah terbitan DBP. Beliau menggunakan basikal atau berjalan kaki untuk memperkenalkan bahan-bahan bacaan ke beberapa sekolah rendah yang jauh dari jalan raya, termasuklah ke G.P.S. Buit Hill, Putatan pada akhir tahun 1950-an. Ini membuka minda anak-anak muda di daerah ini untuk berjinak-jinak meminati sastera sehingga ada dalam kalangan mereka menjadi penulis. Trend ini juga berlaku di beberapa daerah lain.

Buku-buku dan majalah berkualiti terbitan DBP mencambahkan dan memperkukuh keyakinan masyarakat Sabah terhadap kemampuan bahasa Melayu sebelum merdeka dan awal merdeka. Dengan tersebarnya buku-buku dan majalah bahasa dan sastera Melayu terbitan DBP serta didokong oleh halaman terhad bahasa Melayu dalam akhbar-akhbar tempatan, maka para penulis dan peminat bahasa dan sastera di Sabah mula bergerak menubuhkan persatuan untuk bergiat aktif dalam bidang bahasa, sastera dan budaya (termasuk seni lakon) antaranya, Angkatan Gaya Baru (AGABA) yang ditubuhkan pada akhir tahun 1950-an, dipimpin oleh Donald Stephens (Tun Mohd. Fuad Stephens) dan Zakaria Gunn, Persatuan Penulis Sabah (PERPESA) dipimpin oleh Noraini Haji Salleh

dan Angkatan Persuratan Melayu Sabah (APMS) dipimpin oleh Murshidi Nambi.

Selain fokus kepada perkembangan bahasa dan sastera, ketiga-tiga persatuan itu juga berusaha menarik minat generasi muda dalam bidang bahasa dan sastera dengan mengadakan pelbagai kegiatan seni lakon. Pada tahun 1957, buat pertama kali AGABA mengadakan sandiwara pentas di Dewan JRC, Jesselton. APMS memulakan kegiatan seni lakon dengan mengadakan Sandiwara Radio (disiarkan oleh Radio Sabah) pada malam 25 Februari 1963 dengan tajuk “Kalong Intan” gubahan R.M. Jasni, dan diterbitkan oleh Suhaimi Haji Amin. Antara pelakornya R.M. Jasni, Mohd.Tahir Abd.Hamid, Noraini Haji Salleh, Sabdin Ghani, Bahari Asip, Maimunah Khalid dan Faridah Abd. Rahman. Anggota PERPESA, A. Khalik K. Zaman menjadi juara pengarah dan pelakon dalam pertandingan drama.

Meskipun aktif, tetapi ketiga-tiga persatuan itu tidak bersatu dan ada kalanya bergeseran atas sesuatu isu tentang kegiatan bahasa dan sastera. Pada masa itu, belum ada hubungan kerjasama antara penulis Sabah dengan penulis Semenanjung Malaysia. Masyarakat Sabah dapat mengikuti perkembangan bahasa dan sastera di Semenanjung Malaysia melalui bahan-bahan bacaan DBP dan terbitan lain, tetapi masyarakat Semenanjung Malaysia tidak berpeluang mengikuti perkembangan bahasa dan sastera di Sabah.

Apabila Sabah, Sarawak dan Tanah Melayu disatukan dalam gagasan Malaysia,

timbul keinginan untuk mewujudkan kerjasama antara Sabah dengan Semenanjung Malaysia dalam bidang kebahasaan dan kesusasteraan Melayu. Satu rombongan para penulis dan cendekiawan Melayu dari Semenanjung Malaysia datang ke Sabah bagi menemui para penulis tempatan. Rombongan terdiri daripada Drs. Ismail Hussein (ketua rombongan), Harun Hassan, Khalid Hussin, Atondra, Malungun dan Yahya Samah pada 8 November 1966. Pertemuan pertama di Jesselton Hotel dengan beberapa orang penulis Sabah termasuklah Noraini Haji Salleh, Mohd. Saidi Lampoh, Mohd. Tahir Abd. Hamid dan penulis sendiri (Jamdin Buyong). Dalam pertemuan itu telah dibincangkan tentang kemungkinan meluaskan kegiatan Penulis Nasional (PENA) di Sabah. Rombongan itu kemudiannya menghadiri majlis perjumpaan dengan para peneraju persatuan dan penulis Sabah di Kelab Belia Jesselton.

Perjumpaan itu dipengerusikan oleh Mohd. Saidi Lampoh dari APMS. Turut hadir termasuklah tokoh-tokoh tempatan seperti Yang Dipertua AGABA, Zakaria Gunn, Yang Dipertua APMS, Murshidi Nambi, Yang Dipertua PERPESA, Noraini Haji Salleh, Pengawal Radio, Suhaimi Haji Amin, R.M. Jasni, Mohd. Tahir Abd. Hamid, penulis sendiri dan lain-lain. Perbincangan itu banyak tertumpu kepada usaha ke arah melibatkan penulis-penulis Sabah untuk menyumbangkan karya mereka kepada DBP dan penerbitan lain di Semenanjung Malaysia.

Bagi menghentikan perbalahan dan perpecahan para penulis di negeri ini, maka AGABA, PERPESA dan APMS diserapkan dalam penubuhan Badan Bahasa Sabah (BAHASA) pada 15 Mac 1970 yang dipimpin oleh Dzulkifli Abd. Hamid dan Timbalannya, Noraini Haji Salleh, manakala penulis sebagai Setiausaha I. Antara kejayaan terbesar BAHASA adalah menganjurkan Seminar Bahasa dan Sastera di Maktab Sabah pada 4 hingga 6 Ogos 1970 yang menghimpunkan

para penulis, sasterawan dan cendekiawan Melayu dari seluruh negara dan juga perwakilan kesatuan guru, persatuan belia dan jabatan-jabatan kerajaan di negeri Sabah. Seminar itu menetapkan supaya bahasa Malaysia diisytiharkan sebagai bahasa rasmi negeri Sabah. Dewan Undangan Negeri telah menerima resolusi itu dan diisytiharkan berkuat kuasa pada 16 September 1973. Dasar dan peraturan penggunaan bahasa Malaysia telah dilaksanakan dengan tegas dan berani di bawah kepimpinan Ketua Menteri, Tun Datu Mustapha bin Datu Harun.

Para penulis Sabah sedar bahawa karya mereka belum mencapai tahap untuk disiarkan oleh DBP. Justeru, timbul beberapa pandangan supaya DBP menubuhkan cawangannya di Sabah bagi menampung penerbitan karya-karya penulis tempatan. Bagi membuka ruang perancangan ke arah itu, BAHASA harus mengadakan program meningkatkan kualiti penulisan di Sabah di samping mewujudkan persefahaman dan kerjasama dengan DBP dan persatuan-persatuan penulis di Semenanjung Malaysia. Untuk tujuan itu, BAHASA telah menghantar perwakilannya ke Mesyuarat Agung Penubuhan GAPENA di DBP Kuala Lumpur pada 23 Oktober 1970. Bagaimanapun, ketidakfahaman sebahagian penulis di Semenanjung Malaysia tentang budaya fikir dan citarasa penulis-penulis dari Sabah, menyebabkan seorang wakil persatuan telah mencemuh ucapan Dzulkifli Abd. Hamid semasa membentangkan pendirian BAHASA tentang konsep perpaduan melalui satu bahasa. Akibat kejadian itu, Dzulkifli Abd. Hamid dan penulis bersama-sama para pemerhati dari Sabah meninggalkan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Usman Awang berkenaan. BAHASA membatalkan hasratnya untuk bergabung dalam GAPENA. Selepas itu, melalui surat panjang lebar kepada GAPENA pada 1 November 1971, Dzulkifli Abd. Hamid menjelaskan pendirian BAHASA terhadap GAPENA. Berikutan daripada itu, GAPENA menghantar wakilnya, Asmad ke Sabah pada

Apabila wujudnya suasana kerjasama yang mesra antara BAHASA dengan semua anggota gabungan GAPENA, dan DBP, maka semakin rancaklah saranan supaya DBP menubuhkan cawangannya di Sabah. Pada mulanya, penulis berkesempatan bertemu dengan Haji Sujak Rahiman (Ketua Pengarah DBP pada masa itu) di Capitol Hotel, Kota Kinabalu. Penulis telah memberikan pandangan tentang perancangan ke arah penubuhan DBP Cawangan Sabah. Ini diikuti perjumpaan antara Hassan Ahmad (Ketua Pengarah DBP pada masa itu) dengan Dzul kifli Abd. Hamid, Jalumin Jahali dan penulis sendiri tentang perancangan itu. Perbincangan seterusnya ialah antara Ismail Awang Besar dan penulis yang mewakili kerajaan negeri Sabah dengan Hassan Ahmad di Ibu Pejabat DBP, Kuala Lumpur. Perbincangan berkisarkan tentang usaha untuk mendapatkan bangunan bagi penubuhan cawangan berkenaan, yang akhirnya diperoleh di Kompleks SEDCO, Kota Kinabalu sebelum berpindah ke bangunan baharunya di Teluk Likas.

14 Disember 1971 untuk menjernihkan keadaan dengan BAHASA. Akhirnya BAHASA bersetuju menyertai GAPENA apabila syarat perpaduan melalui satu bahasa dimasukkan dalam perlembagaan GAPENA.

Seperti pendekatan tiga persatuan yang terdahulu, BAHASA juga berusaha menarik minat masyarakat umum kepada aktiviti bahasa dan sastera dengan mengadakan pementasan drama *Mat Salleh* yang ditulis dan diarah oleh penulis sendiri. Pementasan perdana itu diadakan di Dewan Masyarakat, Kota Kinabalu pada malam 14 November 1972 bagi memungut derma untuk Tabung Bencana Negara. Dewan sesak oleh para penonton.

Selaku Setiausaha I BAHASA, penulis meneruskan usaha mengeratkan kerjasama dengan GAPENA. Penulis terpaksa bertegang mempertahankan niat ikhlas Tun Datu Mustapha bin Datu Harun yang menyumbangkan puluhan ribu ringgit kepada GAPENA adalah untuk menganjurkan peraduan menulis novel, dan bukannya untuk membeli para penulis seperti yang didakwa oleh wakil persatuan.

Apabila wujudnya suasana kerjasama yang mesra antara BAHASA dengan semua anggota gabungan GAPENA, dan DBP, maka semakin rancaklah saranan supaya DBP menubuhkan cawangannya di Sabah. Pada mulanya, penulis berkesempatan bertemu

dengan Haji Sujak Rahiman (Ketua Pengarah DBP pada masa itu) di Capitol Hotel, Kota Kinabalu. Penulis telah memberikan pandangan tentang perancangan ke arah penubuhan DBP Cawangan Sabah. Ini diikuti perjumpaan antara Hassan Ahmad (Ketua Pengarah DBP pada masa itu) dengan Dzul kifli Abd. Hamid, Jalumin Jahali dan penulis sendiri tentang perancangan itu. Perbincangan seterusnya ialah antara Ismail Awang Besar dan penulis yang mewakili kerajaan negeri Sabah dengan Hassan Ahmad di Ibu Pejabat DBP, Kuala Lumpur. Perbincangan berkisarkan tentang usaha untuk mendapatkan bangunan bagi penubuhan cawangan berkenaan, yang akhirnya diperoleh di Kompleks SEDCO, Kota Kinabalu sebelum berpindah ke bangunan baharunya di Teluk Likas.

Sebelum DBP membuka cawangan di Sabah dan Sarawak, wujud Biro Kesusasteraan Borneo yang berpusat di Kuching dan cawangannya di Sabah, yang lebih khusus dalam tugas menyelidik dan menerbitkan buku tentang pelbagai aspek sosiobudaya dalam pelbagai bahasa sukuan di Sarawak dan Sabah. Biro berkenaan mendapat bantuan tahunan daripada kerajaan negeri Sarawak dan kerajaan negeri Sabah. Pada masa itu juga, wujud Biro Bahasa Malaysia di Jabatan Ketua Menteri Sabah yang berfungsi mengendalikan program pengembangan dan peluasan penggunaan

bahasa Malaysia, di samping sebagai urus setia semua peperiksaan perkhidmatan awam negeri Sabah.

Biro Kesusasteraan Borneo di Sarawak telah diserapkan dalam penubuhan DBP Cawangan Sarawak. Demikian juga Biro Kesusasteraan Borneo Cawangan Sabah diserapkan dalam penubuhan DBP Cawangan Sabah. Dalam perancangan asalnya, Biro Bahasa Malaysia juga hendak diserapkan sepenuhnya dalam penubuhan DBP Cawangan Sabah. Bagaimanapun, memandangkan kakitangan Biro Bahasa Malaysia ialah pekhidmat awam kerajaan negeri, sedangkan DBP ialah badan berkanun persekutuan, maka kesemua kakitangan Biro Bahasa Malaysia termasuk penulis sendiri sebagai ketua tidak bersetuju untuk diserapkan ke dalam DBP Cawangan Sabah.

Bagi mengelakkan kekeliruan, Biro Bahasa Malaysia telah ditukar nama sebagai Bahagian Pengembangan Bahasa, Terjemahan dan Peperiksaan, dan bekerjasama dengan DBP Cawangan Sabah dalam mengendalikan program penataran bahasa Malaysia baku di Sabah yang telah berjalan dengan lancar dan berkesan.

Dasar dan pelaksanaan pengembangan dan peluasan penggunaan bahasa Malaysia di Sabah telah diletakkan di landasan yang betul, khususnya hingga pertengahan tahun 1970-an. Bagaimanapun, apabila kerajaan negeri pimpinan *United Sabah National Organization* (USNO) bertukar tangan, maka banyak pihak khususnya kalangan swasta mengambil kesempatan atas perubahan ini dengan tidak lagi menghormati bahasa Malaysia, khususnya pada papan nama syarikat dan pengurusan. Bahasa Malaysia seperti dilanda tsunami pada awal tahun 2000 apabila pihak berkenaan memutuskan untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Meskipun perubahan ini khusus untuk bidang pembelajaran, tetapi telah dianggap oleh masyarakat umum sebagai titik

permulaan era baru perubahan Dasar Bahasa Kebangsaan secara keseluruhannya. Sebahagian mereka menggunakan kesempatan ini dengan meminggirkan penggunaan bahasa Malaysia dalam pelbagai aspek, malah ada pelakon Melayu tanpa berasa malu mengaku tidak mahu berbahasa Melayu atas alasan “tidak mahu nampak bodoh”.

Pada tahun 2002, sebagai Ahli Lembaga Pengelola DBP, penulis berpeluang bersama-sama rombongan DBP berjumpa dengan kepimpinan negara di Putrajaya untuk berterus terang menyatakan pendirian terhadap perubahan Dasar Bahasa Kebangsaan itu, namun suara kami hanya tinggal di dalam bilik pertemuan itu saja. Bagaimanapun, berikutan daripada pelbagai bantahan keras pelbagai pihak yang cinta akan bahasa Malaysia, kajian semula serta perundingan demi perundingan, akhirnya pihak berkenaan membuat keputusan untuk kembali ke pangkal jalan - pengajaran mata pelajaran sains dan matematik kembali dalam bahasa Malaysia. Bagaimanapun, keretakan pada tembok Dasar Bahasa Kebangsaan yang telah dibina sekian lama oleh Dasar Pendidikan Negara, DBP, kepimpinan Tun Datu Mustapha dan pelbagai pihak lain tidak dapat dibaik pulih dengan begitu mudah dalam masa yang singkat. Usaha membaik pulih itu memerlukan tindakan yang drastik dan lebih berani semua pihak, para penulis dan pejuang bahasa tanahair.

Bahasa membina dan mengembangkan sastera dan sebaliknya. Lemah bahasa lemahlah sastera dan demikian juga sebaliknya. Bahasa dan sastera membina dan mengembangkan budaya, dan demikian juga sebaliknya. Ketiga-tiga elemen ini bertaut dalam membina tamadun bangsa Malaysia yang maju berteraskan realiti akar sejarahnya sendiri. Persatuan penulis dan para penulis mempunyai tanggungjawab bersama untuk membantu DBP membina dan meningkatkan kemampuan bahasa Malaysia dalam mengungkapkan karya sastera dan semua disiplin ilmu bertaraf dunia. **W**

## Istana bersama Ayah

*Ayah,  
Inikah lumrah dalam kehidupan?  
Inikah dugaan dalam kebingungan?  
Pastinya pasrah dengan takdir  
pastinya berat dalam melepaskan.*

*Terimbau kenangan bersama dalam senyum  
terngiang dalam hati suka duka bersama  
terimbas dalam ingatan kewibawaanmu  
kini hanya tangis dalam bentuk sejangkak puisi.*

*Dengan kudrat akal dan kemampuanmu  
berpijak dengan kesusahan, sedar akan pergi jauh  
terciptalah istana untuk permaisuri dan anakandamu  
tapi Yang Esa lebih memerlukan dari istanamu.*

*Hampir rebah sukar dengan takdir  
tapi iman atas didikanmu telah menyedarkan  
berbisik dalam kalbu angin diulangi kehidupan  
mengharap tinggal kita berbahagia dengan istana anganmu.*

*Namanya lumrah dalam hakiki pilihan  
mengharap impian yang hanya kenangan  
jangan risau ayah, hakmu terjaga, tinggalanmu terlindung  
permaisuri dan anakandamu dekat di sisimu.*

*Doa darimu berterusan, doa untukmu berpanjangan  
Reda dengan Ilahi pasti Mukaramah manis tersembunyi  
peganglah ubunku ayah dalam kemanjaan  
biarpun hanya ilusi namun tetap terasa.*

Ami Syarif





Keanehan

*Kau yang mencipta watak  
dan menghidupkannya  
dalam dunia magismu  
kemudian mengatur perwatakan  
mengikut aspirasi mindamu  
lantas aku berasa pelik  
sesudah berlaku sesuatu kejadian  
atau selepas kematian.*

*Tiada yang menghairankan  
selain olahan cerita  
dan permainan kata-kata  
tiada keganjilan  
yang mengejutkan  
bak angin berhempas  
tanpa arah.*

*Keanehan adalah sekadar teka-tekimu  
penguji minda mencari jawapan  
pada alam kenyataan  
ia tetap tanda kekuasaan Tuhan  
membuka pintu keinsafan.*

Otak Jalama

Suara Rindu

*Sepasang mata kuyu itu  
dipenuhi manik-manik putih  
sedalam renungan dari raut wajah itu  
kepedihan rintihan hati  
dalam kerinduan  
kalau dulu  
sebuah rumah sempurna dibina  
riuh-rendah suara penghibur  
cahaya mata  
tidak pernah kering semanis senyuman  
setiap gurau senda yang menghiburkan  
namun kini  
sepantas masa melewati kenangan  
hanya yang tinggal  
sepasang ibu dan ayah tua  
berharap setia menanti  
berkunjung tiba permata dikasihi.  
Detikan masa tidak menunggu  
apakah terbalas suara rindu itu?  
kasihmu ayah tiada tandingan  
kasihmu ibu hingga ke hujung nyawa  
semoga penantian tidak dipersiapkan.*

Noratifah Jufirin



# Iktibar daripada Karya Tradisi: Seni Bukan Politik tetapi Tanpa Seni Tiadalah Politik

oleh LOKMAN ABDUL SAMAD

Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 menyaksikan landskap politik Malaysia telah berubah. Trend pemilihan undi menampakkan jurang yang besar antara pengundi kota dan desa. Majoriti bangsa Melayu hidup makan gaji, kais pagi makan pagi dan tertumpu pada paras kemiskinan. Walau sudah setengah abad negara merdeka, bumiputera Melayu majoritinya kekal menetap di luar bandar dan ketinggalan pada semua aspek pembangunan. Bandingkan sahaja bandar Sipitang, Kimanis, Kinabatangan dengan Bukit Bintang.

Bukit Bintang mempunyai 55,887 pemilih berdaftar dengan majoriti pengundi Cina 87.98 peratus. Parlimen Bukit Bintang dahulu kini dan selamanya ialah kawasan milik *Democratic Action Party* (DAP). PRU ke-13 ini telah dimenangi sejumlah 19,000 undi majoriti. Penduduk Bukit Bintang hidup mewah dengan segala kemudahan pengangkutan yang efisien, pasukan polis yang siap mengawal keselamatan peniaga dan kebersihan yang sentiasa dipantau oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Apabila demonstrasi berlaku, peniaga kumpulan pertama yang akan berasa bimbang kerana perniagaan mereka akan terjejas. Ironinya perhimpunan haram ini didokong oleh parti pembangkang yang mereka sokong (Mior Kamarul Shahid, *Berita Harian*, 3 Jun 2013).

Semua bandar raya utama di Malaysia

iaitu Kota Kinabalu, Seremban, Sibul, Kuching, Sandakan, Gelang Patah, dan Bukit Katil menolak slogan pembangunan dengan seni politik mereka dengan memanipulasi pemikiran manusia kota. Inilah bahana kesan penjajahan pemikiran yang berpunca daripada permainan licin sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan demi untuk mencapai matlamat kuasa yang diidam-idamkan mereka.

Ternyata isu pembangunan masih lagi menjadi modal untuk meraih hati pengundi desa tetapi tidak bagi penduduk kota. Bagi orang kota yang sudah ada segala-galanya, hanya satu iaitu monopoli. Penduduk kota mahukan monopoli kuasa ekonomi dan kuasa pemerintahan. Ini tandanya mereka mahu membolot semua, tanpa mahu seinci pun dikongsi. Semua ini salah siapa? Orang yang memberi dan terus memberi atau yang menerima akan terus menerima? Berbanding dengan desa yang serba kekurangan dan masih mengharapakan pembangunan.

## Benarkah Seni Itu Politik?

Bukankah seni itu hanyalah hiburan semata-mata? Apa kaitan seni dengan politik? Inilah antara persoalan yang sering kedengaran apabila seni dan politik digabungkan. Mark Vallen (2004), pernah mengkaji tentang seni dan politik. Beliau merujuk laporan *The New York Foundation for the Arts* pada Jun 2004 yang telah menjalankan *survey online* untuk

melihat pendapat orang ramai berkenaan “seni politik”. Daripada 3,000 orang responden yang terlibat, sebanyak 69% respons menyatakan bahawa seni yang berunsur politik itu membosankan, 4% pula berpendapat bahawa politik tidak harus terlibat dengan seni, dan 27% pula menghargai seni politik.

Dalam konteks negara kita, polemik “seni untuk seni” dan “seni untuk masyarakat” juga berpunca daripada wujudnya dua kelompok seniman yang berbeza citra politik dan seni. Persoalan sama ada politik ialah cerminan masyarakat atau seni yang dipolitikkan oleh seniman ialah persoalan yang belum berkesudahan. Dalam seni juga ada politiknya. Sesuatu perbezaan pandangan individu atau kelompok minoriti selalunya akan ditolak serta diasingkan oleh pengaruh individu tertentu dalam persatuan yang dinaungi oleh mereka ini. Atas kuasa penentu, mereka beraja di mata dan bersultan di hati. Maka semakin gerhanalah kegiatan seni kerana dipenuhi oleh orang yang bertopengkan seni demi memuaskan hawa nafsu sendiri. Bukan lagi rahsia, sesiapa yang tidak sehalus akan dicap atas nama bukan pengikut. Atau dengan kata lain, budaya berbeza pandangan tidak akan wujud, setiap perbezaan dianggap sebagai pembangkang, sedangkan berbeza pandangan itu lumrah kehidupan. Namun demikian, kelompok yang menguasai persatuan bertindak memanipulasi kuasa untuk kepentingan diri dan kroni mereka.

Takrifan mudah bagi politik ialah kuasa. Manusia mahu berkuasa dan akan menggunakan kuasanya untuk mencapai apa yang dikehendaki. Manusia akan melakukan apa sahaja untuk mendapatkan kuasa. Agama ialah modal politik yang paling ampuh untuk berkuasa. Tidak ada agama yang mengajar berbuat kejahatan. Namun ada manusia yang mengejar kuasa akan menggunakan agama untuk menutup kejahatan yang telah dilakukannya. Kelompok ini menggunakan agama untuk parti, diri sendiri dan kuasa yang dimilikinya.

### **Seni Bukan Politik, Tanpa Seni Tiadalah Politik**

Sebelum terciptanya sistem berkerajaan seperti hari ini, penduduk asli nusantara sudah lama mempunyai negara bangsa berdaulat sehingga dicemburui bangsa bukan peribumi. Siapakah bangsa nusantara yang hebat ini? Sehingga kuasa barat berebut-rebut mahu menjajah mereka. Tentulah ada rahsia pada bangsa yang hebat ini sehingga Feringgi menjajah empayar Melayu Melaka, dan Belanda menakluki Indonesia.

Melupakan sejarah bermakna kita akan dihukum untuk mengulangi kesilapan silam. Asas memahami sejarah silam ialah dengan merujuk pada sejarah pemikiran pengarangnya yang ditinggalkan dalam teks-teks klasik jawi

---

**Dalam konteks negara kita, polemik “seni untuk seni” dan “seni untuk masyarakat” juga berpunca daripada wujudnya dua kelompok seniman yang berbeza citra politik dan seni. Persoalan sama ada politik ialah cerminan masyarakat atau seni yang dipolitikkan oleh seniman ialah persoalan yang belum berkesudahan. Dalam seni juga ada politiknya.**

---

tulisan tangan. Majoriti kita bangsa Melayu hari ini sudah tidak lagi mahu menghayati teks klasik apa lagi mahu mengambil teladan dari sejarah silam. Majoriti kita mempertikaikan malah memperkecilkan teks *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu* dengan andaian dipenuhi mitos, dongeng dan khayalan (Lokman Abdul Samad, 1999). Pada waktu yang sama majoriti kita berasa teruja, bangga dan seronok apabila mengagumi watak “*Rambo*” dan “*Superman*” yang digambarkan begitu gagah, kebal, punya kuasa hebat, penyelamat dunia. Kenapa hanya dari barat semuanya dianggap benar belaka? Adakah Hang Tuah mitos?

Bila seni dipolitikkan oleh manusia barat dengan cara yang terlalu halus, majoriti kita terpesona dan terpedaya dengan propaganda mereka. Barat memanipulasi seni untuk kepentingan politik bangsa mereka demi menzahirkan diri mereka sebagai bangsa penjajah, superior, polis dunia, maha tahu, maha kuat dan semua bangsa di dunia harus tunduk kepada mereka.

### *Sejarah Melayu atau Sulalatus Salatin*

Siapakah Melayu? Manusia Melayu yang menetap di wilayah *Malay Archipelago* atau Gugusan Kepulauan Melayu yang luasnya dari Madagaskar di barat hingga ke Tiwan di timur, dan dari Semenanjung Indochina ke utara

---

**Bila seni dipolitikkan oleh manusia barat dengan cara yang terlalu halus, majoriti kita terpesona dan terpedaya dengan propaganda mereka. Barat memanipulasi seni untuk kepentingan politik bangsa mereka demi menzahirkan diri mereka sebagai bangsa penjajah, superior, polis dunia, maha tahu, maha kuat dan semua bangsa di dunia harus tunduk kepada mereka.**

---

hingga ke Kepulauan Indonesia di selatan (Mohd Taib Osman, 1984). Bangsa Melayu berasal dari pulau-pulau Melayu tentunya berbeza dengan bangsa China dan India yang mempunyai negara asal di China dan India. Bangsa Melayu sudah wujud sebelum Islam menjadi anutan majoriti orang Melayu. Buktinya masyarakat Melayu di Bali yang kekal dengan agama Hindu. Hal demikian tentulah pahit dan tidak dapat diterima kerana Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa Islam sebagai bangsa Melayu, sedangkan hakikatnya sebelum Islam bertapak di Nusantara tidak wujudkah bangsa Melayu? Atau hanya sesudah Islam sampai barulah

bangsa Melayu wujud? Siapakah yang memesongkan takrif Melayu jika bukan penjajah Inggeris. Sebelum penjajah British meninggalkan negara ini, mereka telah merangka draf Perlembagaan Malaysia sehingga memecahkan bangsa Melayu pada suku-suku kecil sehingga mereka menjadi semakin lemah dan berpecah belah. Buktinya di Sabah, anak Melayu bumiputera yang lahir di sini wajib menuliskan nama suku kaum ibu bapa mereka. Berbeza dengan di Semenanjung, orang yang bersuku Minangkabau diiktiraf Melayu sebagai bangsanya. Jawa, Banjar, Bugis, Tidung, dan Kerinchi ialah ranting suku-suku yang membentuk pokok yang bernama bangsa Melayu. Semua ranting inilah yang menyimpan rahsia sebuah bangsa yang agung. Suatu ketika dahulu bangsa Melayu itulah pelayar yang agung, pembina tamadun sebuah empayar yang dihormati lagi disegani yang kini hanya tinggal kenangan.

Dokumen rahsia kelemahan dan kekuatan bangsa Melayu ada di dalam *Sejarah Melayu*. Hanya setelah seorang paderi Inggeris, W.G Shellabear menerbitkan edisi rumi kitab *Sejarah Melayu* pada tahun 1898 dengan menambah judulnya *The Malay Annals*, barulah ramai yang membuka mata untuk mengenali, siapakah Melayu? Sejak itu, ramai pengkaji barat berminat untuk memahami dan mengkaji rahsia cara berfikir bangsa Melayu. Maklumat pemikiran bangsa Melayu banyak terkandung dalam kitab ini sehingga menjadi kekuatan maklumat kepada penjajah untuk menguasai pemikiran kita. Maka mudahlah bagi mereka untuk meneruskan penjajahan baik secara fizikal mahupun secara mental.


Akhirnya minda penjajah telah menguasai anak bangsa Melayu yang majoriti menolak sejarah ketinggian tamadun bangsanya sendiri. Semakin ramai anak Melayu yang menafikan sejarah keunggulan pemikiran bangsa nenek moyang mereka sendiri. Walau bagaimanapun buku *Mitos Peribumi Malas* yang ditulis oleh Syed Husin Alatas belum mampu merobek benteng minda Melayu yang masih terlalu mengagungkan budaya bangsa penjajah. Citra

tentang peribumi yang malas ini merupakan hasil ciptaan kolonial untuk menghalang pemahaman yang mendalam dan sejati tentang kehidupan peribumi Melayu. Penguasaan kolonial terhadap ekonomi, menghilangkan kebebasan masyarakat Melayu dalam menentukan dorongan motivasi mereka. Mitos tentang masyarakat peribumi malas ditimbulkan oleh orang Barat. Buku ini telah membongkar punca dan realiti masyarakat peribumi bukan malas tetapi seni yang halus menunjukkan protes dan sabotaj kepada ekonomi barat. Tetapi malangnya, oleh sebab kita menghidap penyakit Anglophile, itulah punca bangsa Melayu kini terus mengeluh akibat sakit yang belum sembuh.

*Sulalatus Salatin* dalam bahasa Melayu bermakna “Anak Cucu Raja-Raja” atau “Jurai Keturunan Raja-Raja”. Biarpun judulnya dikaitkan dengan raja, hakikatnya inti pemikiran yang dibicarakan bersangkutan khusus dengan hal ehwal rakyat jelata bangsa Melayu secara keseluruhannya. Tidak keterlaluan untuk melabelkan kitab *Sejarah Melayu* sebagai dokumen budaya bangsa Melayu. Kandungan buku ini mengkritik sikap pemerintah, disebutkan dengan raja adil raja disembah raja zalim raja disanggah. Disebut sebagai dokumen budaya bangsa, tentulah *Sejarah Melayu* memiliki serangkai pemikiran yang harus dikaji dan wajar diteliti sehalus-halusnya untuk mencari hakikat yang sebenar-benarnya, dan apakah istimewanya kitab ini? Digambarkan Sultan Mansur yang bermentuakan Maharaja China dengan perlambangan sembuhnya penyakit mertuanya hanya sesudah meminum air basuhan kaki raja Melayu. Apakah metaforanya? Melayu bangsa yang agung. Tercetaknya peristiwa ini, beratus orang pemikir barat yang begitu berminat menyelidik kitab ini. Jika buku ini hanya berisi dongeng, mitos dan legenda mengapa mereka membuang masa membazirkan jutaan wang ringgit membuat penelitian yang mendalam pada kitab ini?

*Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah* ialah karya agung bangsa Melayu. Sayangnya

karya budaya bangsa ini tidak diajarkan di sekolah rendah mahupun di universiti kerana buku ini dianggap dongeng, mitos, dan membuang masa. Bangsa yang tidak mempedulikan asal usul sejarah bangsanya sendiri akan hilang arah, hilang jati diri, dan akhirnya wujudlah krisis identiti. Generasi yang telah hilang identiti cuba meniru-niru gaya fizikal bangsa asing. Ada yang cuba menjadi lebih Arab daripada orang Arab atau yang lazim dilihat masa kini, mahu menjadi Korea lebih daripada orang Korea. Sedangkan Hang Tuah berjaya memperbodohkan Maharaja China yang kononnya dewa suci yang tidak boleh dilihat hanya dengan helah semudah sayur kangkung. Hang Tuah berhelah untuk melihat wajah Maharaja China dengan mengatakan bahawa kami anak Melayu hanya makan sayur kangkung yang tidak boleh dikerat biarlah panjang-panjang, memudahkan mereka makan sambil memerhatikan wajah Maharaja China yang duduk dalam singgahsana mulut naga bersisik emas (Lokman Abdul samad, 199:112).

Jika masih buta pada sejarah bangsa, maka kita semua akan menjadi mangsa penjajahan semula pada PRU ke-14 nanti. Slogan pembangunan bukan lagi keutamaan generasi muda tetapi mereka sedang mencari jati diri untuk bergerak ke hadapan sebagai bangsa yang mandiri, kuat dan seimbang antara rohani dan jasmani. Generasi muda perlukan suntikan motivasi sebagai asas mengenal diri untuk membina jati diri sebagaimana propaganda seni barat yang berjaya memanipulasi pemikiran kita semua agar takjub dan kagum dengan penonjolan citra budaya dan bahasa mereka. Hingga hari ini, jika kita masih membiarkan karya agung Melayu lapuk di rak buku tanpa usaha memindahkannya dalam bentuk audio visual, filem, lagu dan buku ilustrasi, maka jangan haraplah anak muda kita hari ini akan kenal apa lagi mahu mencontohi peribadi Hang Tuah, Tun Perak, Tun Fatimah, Datuk Bahaman, Mat Salleh dan Tok Janggut. 

# Mariga: Menemukan Keunggulan Penulisan Amil Jaya

oleh ASMIATY AMAT

**M**ariga ialah novel keempat dan terakhir Allahyarham Datuk Ismail Abbas atau nama penanya Amil Jaya. Novel yang diterbitkan pada tahun 2012 ini, tidak sempat dilihat oleh Allahyarham kerana Allahyarham telah kembali ke rahmatullah pada tahun 2009. Selain *Mariga*, Amil Jaya turut menulis *Cerah* (1976) *Ngayau* (1979) dan *Bagaton* (1987). Ketiga-tiga novel Amil Jaya sering kali dijadikan bahan kajian oleh sarjana seluruh Malaysia kerana ia sarat dengan unsur budaya dan adat resam serta diselitkan dengan konflik agama dan budaya etnik. *Mariga* tidak terlepas daripada itu dan ia adalah sebuah novel tragik budaya yang dipaparkan dalam bentuk tersendiri oleh penulis. Sehubungan itu, kajian ini meneliti novel tersebut dengan menggunakan teori Teksdealisme yang diperkenalkan oleh Abdul Rahman Napiah atau Mana Sikana. Menerusi kajian yang dilakukan terhadap novel ini, menunjukkan bahawa keempat-empat unsur dalam Teksdealisme, iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan serta keunggulan wujud dalam novel tersebut. Hal ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi idealisme pengarang sebagai penulis yang unggul dengan paparan tragik budaya.

## Amil Jaya dan Karya

Amil Jaya ialah penulis tempatan pertama Sabah, dan novel pertama Amil Jaya berjudul *Ngayau* memenangi pertandingan menulis novel pada tahun 1976. Novel kedua berjudul *Cerah* dan novel ketiga berjudul *Bagaton*

**Novel yang diterbitkan pada tahun 2012 ini, tidak sempat dilihat oleh Allahyarham kerana Allahyarham telah kembali ke rahmatullah pada tahun 2009. Selain *Mariga*, Amil Jaya turut menulis *Cerah* (1976) *Ngayau* (1979) dan *Bagaton* (1987). Ketiga-tiga novel Amil Jaya sering kali dijadikan bahan kajian oleh sarjana seluruh Malaysia kerana ia sarat dengan unsur budaya dan adat resam serta diselitkan dengan konflik agama dan budaya etnik. *Mariga* tidak terlepas daripada itu dan ia adalah sebuah novel tragik budaya yang dipaparkan dalam bentuk tersendiri oleh penulis. Sehubungan itu, kajian ini meneliti novel tersebut dengan menggunakan teori Teksdealisme yang diperkenalkan oleh Abdul Rahman Napiah atau Mana Sikana.**

ditulis oleh Amil Jaya pada tahun 1989, dan terbit pada tahun 1990. Ketiga-tiga novel yang ditampilkan oleh Amil Jaya sarat dengan konflik budaya yang ditampilkan melalui watak-watak dalam novel ini. Sehubungan itu, novel-novel Amil Jaya tidak pernah lekang daripada menjadi kajian pelajar dan sarjana tanah air. Amil Jaya meninggal dunia pada tahun 2009 ketika berusia 70 tahun dan sempat menitipkan peninggalan terakhirnya kepada peminat sastera Malaysia dengan novel *Mariga*

yang telah diterbitkan pada tahun 2012. Novel keempat ini mengukuhkan lagi legasi yang menandakan keunggulan Amil Jaya sebagai seorang penulis novel “tragis budaya”. Amil Jaya berjaya memaku dan meninggalkan kesan kepada pembaca bahawa Allahyarham ialah satu-satunya penulis Sabah yang berjaya menulis novel budaya dan tragis budaya. Seiring dengan matlamat kajian untuk mencari keunggulan karya, kajian ini menggunakan teori teksdealisme, untuk merungkai bagaimana pengarang menggunakan konsep kehadiran, pelanggaran, pengukuhan, dan idealisme.

### **Penekanan Naratif *Mariga***

*Mariga* menceritakan tentang kehidupan suku kaum Murut Tenggara di Kuala Kuamut pada tahun 1890. Seorang Inggeris bernama Walter Flint telah menjelajah ke Kuala Kuamut untuk berniaga barang hutan yang dianggap eksotik. Kecekapan, kekayaan serta kejujuran anak muda Inggeris membantu orang kampung semasa diserang oleh orang Dayak dalam misi ngayau menyebabkan ketua kampung serta penduduk kampung di situ tertarik kepadanya. Demikian juga Lingad, anak ketua kampung, Sempurna Numpal. Walter Flint dan Lingad berkahwin dan mendapat dua orang cahaya mata. Adat budaya orang Murut seperti “mariga” menjadi konflik pertama dalam hubungan antara Walter Flint keluarga isterinya. Tradisi Murut membenarkan sesiapa yang berkahwin dengan keluarga mereka melayakkan mereka untuk datang dan mengambil barang keluarga tersebut. Perkara ini tidak dapat diterima Walter Flint kerana barang perniagaannya sering diambil sesuka hati oleh keluarga Lingad yang sering datang ke rumah mereka. Walter Flint akhirnya cuba mencari penempatan baharu untuk berniaga di Ulu Kuamut. Nasibnya kurang baik kerana perniagaannya tidak berjalan lancar dan beliau tidak sanggup berpisah dengan anak isterinya. Walter Flint kembali ke Kuala Kuamut.

Malangnya Walter Flint telah diserang penyakit malaria dan beberapa hari kemudian dia meninggal dunia. Mayatnya telah disemadikan di perkampungan tersebut. Walau bagaimanapun terdapat orang kampung yang jahat telah memenggal kepala mayat Walter Flint untuk dijadikan singkawat. Sempurna Numpal dan beberapa keluarga Murut telah berhijrah ke Ulu Kuamut kerana bimbang kematian Walter Flint akan menyebabkan mereka dibunuh. Sangkaan tersebut tepat kerana setelah mengetahui kematian anak saudaranya, Raffle Flint telah mendapatkan sokongan Resident Inggeris untuk menyiasat siapa yang membunuh anak saudaranya. Keluarga Lingad termasuk ayah dan ibunya telah mati diserang oleh Raffle Flint yang dibantu oleh polis berketurunan Dayak. Raffle Flint telah membunuh keluarga Lingad tanpa menyiasat punca sebenar kematian Walter Flint dan orang yang telah memenggal kepala Walter Flint.

Sejajar dengan puisi yang ditulis oleh pengarang cerita ini, perkara utama yang ingin disampaikan oleh Amil Jaya selain paparan adat budaya masyarakat Murut ialah tentang bagaimana nasib bangsa peribumi di tangan orang asing. Perkara kedua ialah berkenaan sifat pengkhianatan bangsa peribumi akhirnya memusnahkan diri sendiri. Polis yang diarahkan membunuh keluarga Lingad adalah satu pengkhianatan bangsa. Tanpa usul periksa mereka akur kepada perintah Raffle Flint untuk membunuh keluarga Lingad tanpa mengira wanita dan kanak-kanak dengan kejam, dan tanpa perikemanusiaan.

### **Teori Teksdealisme**

Teori teksdealisme adalah satu teori yang dipopularkan di Malaysia oleh seorang sarjana kesusasteraan Melayu, iaitu Abdul Rahman Hanafiah atau Mana Sikana sekitar tahun 1995. Teori ini dilahirkan mengambil kira bahawa kebanyakan teori yang digunakan di negara ini merupakan teori yang dibawa dari Barat dan

ada kalanya tidak sesuai dengan nilai dan norma masyarakat. Teksdealisme berasal daripada dua rangkuman perkataan, iaitu teks yang bererti karya dan idealisme yang bermaksud cita-cita seseorang untuk menghasilkan kesempurnaan atau keunggulan. Keunggulan bererti teks mempunyai nilai mutu yang tinggi. Setiap teks dikatakan mempunyai tingkat keunggulan tersendiri yang membezakannya dengan teks-teks lain.

Falsafah teksdealisme bertitik tolak daripada keinginan setiap pengarang untuk menghasilkan karya yang ideal atau unggul. Seorang pengarang yang berfikiran jauh akan berusaha dengan bakat kebolehan, daya intelektual dan keterampilannya untuk menghasilkan karya yang lebih baik daripada apa yang dihasilkan sebelumnya. Lebih daripada itu, karya yang diusahakan itu diharapkan dapat menandingi karya pengarang-pengarang lain. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, pengarang harus berani dan bijaksana (Mana Sikana, 1995:1). Keberanian bererti berani melakukan pembaharuan dan berani membawa idea dan pemikiran baru yang berbeza dengan sebelumnya. Keberanian itu harus pula berlandaskan kebijaksanaan. Kebijaksanaan dalam penulisan bererti seorang penulis perlu bertitik tolak daripada landasan keilmuan yang tinggi. Jika kedua-dua perkara ini tidak diberi perhatian dalam melaksanakan tugas sebagai pengarang, maka karya yang unggul tidak akan dapat dihasilkan. Sebaliknya, karya-karya yang stereotaip dan bertitik tolak kepada tradisi yang lama akan sentiasa membelenggu jiwa penulis-penulis dalam proses penghasilan karya.

Teori teksdealisme turut menjadikan khalayak sebagai pentafsir dan penganalisis yang baik. Khalayak yang menikmati teks akan menelusuri unsur-unsur, ciri-ciri, sifat-sifat dan nilai keunggulan sesebuah teks. Bertitik tolak daripada itu, khalayak akan dapat menjatuhkan

nilai sama tinggi atau rendah mutu sesebuah karya.

Teori ini turut menegaskan bahawa teks sastera tidak lain daripada idea dan pengalaman seseorang pengarang. Idea dan pengalaman merupakan asas kepada penghasilan teks yang unggul. Dalam teori teksdealisme, idea adalah lintasan-lintasan pemikiran yang berguna dalam kesedaran pengarang menulis dan mengembangkan cerita dalam karyanya. Teori menyediakan empat prinsip sebagai garis panduan untuk mencapai keunggulan iaitu unsur kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan idealisme atau keperibadian. Keempat-empat prinsip dalam teori ini ada kalanya bergerak dan berlaku serentak. Jika hal ini berlaku, pengkaji juga ada kalanya menganalisisnya secara serentak atau bersama. Walau bagaimanapun, dalam proses menganalisis karya dengan menggunakan teori teksdealisme ini, ada ketikanya tidak semua keempat-empat prinsip tersebut digunakan. Ia bergantung kepada karya yang dikaji. Prinsip yang bersesuaian dan relevan sahaja yang boleh digunakan untuk menilai sesebuah karya.

### **Prinsip Kehadiran**

Aspek kehadiran dalam teks sastera dianalisis daripada tiga perkara iaitu pertama, apakah fakta dan sumber kehadirannya. Kedua, cara fakta dihadirkan dalam teks dan ketiga, fungsi serta kesan kehadiran fakta-fakta tersebut di dalam karya. Berdasarkan hal ini, fakta-fakta yang dihadirkan oleh pengarang itu meliputi pengalaman yang dialami yang akhirnya tercetus dalam benak pengarang. Pengalaman ini pula berlaku sama ada melalui pengalaman secara langsung atau melalui proses membaca, membuat rujukan, menonton dan melakukan pemerhatian di lapangan. Proses-proses seperti ini dapat memantapkan lagi idea dan pengalaman yang telah sedia ada di minda pengarang. Contohnya, seorang pengarang yang tidak merasa senang dengan situasi politik dunia seperti yang dilaporkan melalui



akhbar atau media massa lain, akhirnya menghasilkan karya yang mengutarakan perasaan tersebut.

Proses dan unsur kehadiran adalah tidak terbatas. Pengaruh juga merupakan unsur kehadiran yang tidak dapat dipisahkan daripada pengarang dan khalayak. Kehadiran unsur pengaruh dalam pemikiran akan mencorakkan isi dan bentuk teks yang dihasilkan. Kehadiran unsur pengaruh tersebut wujud sama ada disedari atau tidak oleh pengarang dalam penulisannya. Pengaruh boleh berbentuk ideologi, falsafah, gaya bahasa, aliran dan sebagainya. Kehadiran unsur pengaruh tersebut biasanya akan sentiasa kekal pada diri atau pemikiran pengarang dan jika dihadirkan dengan bijaksana akan membawa kepada pembentukan gaya peribadi atau gaya kepengarangan yang tersendiri.

Contohnya, melalui teks *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu*, ramai perngarang telah mendapat idea dan pengalaman baharu untuk menjana karya, tidak kira dalam genre cerpen, puisi, novel mahupun drama. Diperhatikan bahawa peristiwa-peristiwa dalam *Hikayat Hang Tuah* digunakan oleh A. Samad Ahmad, Muhammad Hj. Salleh, Johan Jaafar, Usman Awang dan Mana Sikana untuk menghasilkan karya (Lokman Abdul Samad, 2001:93). Unsur kehadiran ini pula telah diberikan pelbagai tafsiran berbeza seperti tanggapan bahawa Hang Jebat merupakan wira dan bukannya Hang Tuah.

Prinsip Kehadiran ini pula berkait rapat dengan unsur pelanggaran. Ini kerana, melalui prinsip kehadiran yang wujud, ada kalanya pengarang dengan sedar memberi tafsiran dan makna baru dalam karya yang ditulisnya. Makna baru atau apa sahaja yang bersifat inovatif tidak akan menjelma sekiranya tidak ada proses pelanggaran. Contohnya penokohan Hang Jebat sebagai wira dan bukannya Hang Tuah.

### Prinsip Pelanggaran

Pelanggaran dapat didefinisikan sebagai suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Seorang pengarang yang bercita-cita untuk menghasilkan karya yang unggul akan berusaha untuk memperbaharui setiap teks yang dihasilkannya. Sifat pembaharuan, eksperimental dan pemantapan inilah yang mendukung kelahiran teks-teks yang mencabar. Prinsip pelanggaran mengkaji perkara-perkara yang dikekalkan atau diubah dalam setiap aspek penciptaan karya tersebut.

Melalui prinsip pelanggaran ditegaskan bahawa pengarang berusaha mencari kelainan atau makna baru. Biasanya, pengarang ada kalanya menentang kelaziman, tradisi atau konvensi seperti yang dinyatakan dalam prinsip kehadiran. Jika tidak pun, sekurang-kurangnya, pengarang memperbaharui konvensi dan sistem teksnya sendiri. Seorang pengarang tidak akan berpuas hati dengan sistem teksnya yang dianggap sudah klise atau stereotaip.

Prinsip pelanggaran dianalisis dengan memberi soalan apakah aspek yang dikekalkan dan diubah oleh pengarang. Kedua, bagaimanakah prinsip pelanggaran itu dilakukan dan ketiga, apakah fungsi dan kesannya terhadap pembinaan teks tersebut. Prinsip pelanggaran turut menganalisis aspek-aspek yang dikekalkan dan perubahan dalam konvensi sastera, tradisi dan apa sahaja yang berhubung dengannya. Contohnya, A. Samad Said yang telah mengarang novel *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi*. Melalui kedua-dua novel ini, pengarang telah melakukan pelanggaran dengan membawa aliran baharu dalam dunia kesusasteraan Melayu iaitu aliran realisme magis, aliran bawah sedar. Hal ini turut membezakan karya-karya ini dengan karya A. Samad Said sebelumnya seperti novel pertamanya, *Salina* yang beraliran realisme. Prinsip pelanggaran ini juga berkait rapat

dengan penggunaan gaya bahasa atau wacana dalam karya yang turut dijadikan faktor keunggulan sesebuah karya. Seorang pengarang yang bijaksana akan berusaha untuk memperbaiki gaya bahasa untuk memberikan kesan estetika yang lebih mendalam dalam teksnya.

### Prinsip Pengukuhan

Di samping aspek pelanggaran, seorang pengarang turut melakukan pengukuhan terhadap aspek-aspek yang ada pada karya sebelumnya. Bagi mengukuhkan kedudukan karya, seorang pengarang harus bercita-cita untuk memartabatkan sastera ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu antarabangsa dan bukan lagi berlegar pada sifat-sifat kenegerian semata-mata. Ini bererti pengarang tidak harus menyepikan diri daripada arus pembangunan negara. Dengan kata lain, pengarang harus sentiasa peka pada sebarang perubahan dan bersedia menerima dan melakukan pembaharuan (Mana Sikana, 1996:66).

Prinsip pengukuhan merupakan sebahagian usaha pendewasaan pengarang untuk menghasilkan teks yang unggul. Seorang pengarang yang baik dan dedikasi akan sentiasa berusaha untuk melakukan pembetulan dalam teks yang dihasilkan sama ada melalui penyelidikan secara langsung di lapangan ataupun melalui pembacaan.

Tegasnya, pengukuhan adalah usaha pematangan, pengejapan dan penyempurnaan karya seseorang pengarang. Sebagaimana prinsip kehadiran dan pelanggaran, prinsip pengukuhan juga boleh dilakukan dengan mengambil kebaikan zaman silam dengan mengkaji karya lama khususnya teks-teks agung silam, untuk dijelmakan semula dalam teksnya. Prinsip pengukuhan ini juga mengandungi tiga perkara iaitu apakah yang hendak dikukuhkan, bagaimana ia dikukuhkan dan fungsi serta kesan pengukuhan tersebut.

Pengukuhan ini juga adalah suatu usaha

pengarang menyempurnakan jati dirinya. Contohnya, keberkesanan prinsip pengukuhan yang telah dilakukan oleh A. Samad Said melalui *Hujan Pagi* dengan mengukuhkan aliran realisme magis yang digunakan dalam *Daerah Zeni*. Selain itu, sasterawan negara ini turut menggali khazanah teks zaman silam untuk membenarkan hujah-hujahnya. Walau bagaimanapun perlu diakui bahawa melalui prinsip ini, usaha pengarang itu belum dapat dipastikan kejayaannya.

### Idealisme

Sebaik sahaja karya seorang pengarang sampai ke tangan khalayak, pembaca telah mempunyai tingkat keunggulan teks seseorang pengarang. Namun, kemuncak keunggulan penulisan seorang pengarang ialah apabila ditemui atau dikesani keperibadian dalam penulisannya. Seorang pengarang harus memiliki jati diri sendiri untuk menjadi seorang pengarang yang disegani seperti Gabriel Garcia Marquez, Pramoedya Ananta Toer, Usman Awang, Shahnnon Ahmad, Arena Wati, A. Samad Said dan beberapa pengarang mapan yang lain.

Prinsip keperibadian atau individualisme teori teksdealisme adalah sebagai kemuncak prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan. Melalui prinsip kehadiran yang telah disebutkan sebentar tadi, suatu mekanisme penciptaan teks dan pencarian makna karya akan berlaku. Sebagai pembaca, sering kali disedari wujud ciri-ciri teks lain dalam karya yang sedang dibaca. Sesungguhnya tidak dinafikan bahawa sesebuah teks mempunyai hubungan dengan sejumlah teks yang dibaca sebelumnya.

Oleh itu, prinsip keperibadian menegaskan bahawa seorang pengarang harus mencipta satu sifat keperibadian tersendiri. Selagi pengarang menghasilkan karya berlandaskan bayangan orang lain maka selama itulah pengarang harus bekerja kuat untuk menghasilkan karya yang unggul yang lari daripada bayangan karya pengarang lain.

Prinsip individualisme menganalisis apakah usaha pengarang untuk mencapai tahap keperibadiannya, menjelaskan sifat-sifat keperibadiannya dan bagaimana prinsip keperibadian itu dilakukan pengarang. Proses terakhir ialah menganalisis kedudukan dan posisi kepengarangannya dalam dunia kesusasteraan.

### **Teksdealisme dalam *Mariga***

Keempat-empat novel Amil Jaya memaparkan tentang adat tradisi suku kaum yang ada di negeri Sabah dan Sarawak. *Ngayau* memperlihatkan tentang tradisi ngayau, adat pindah dan membina rumah baru. *Cerah* mempamerkan tentang tradisi orang Bajau dalam perkahwinan dan kematian. Selain itu ia turut memperlihatkan tentang konflik yang wujud kerana Subar (berbangsa Bajau dan beragama Islam) ingin berkahwin dengan Noli yang berbangsa Dusun dan beragama Kristian. Demikian *Bagaton* yang turut memaparkan konflik dan pertentangan agama dan budaya atas perkahwinan terlarang Jamjin (Bajau beragama Islam dan Puntis (berbangsa Dusun yang mengamalkan animisme). Noli dan Subar memilih untuk berkahwin secara sivil walaupun ditentang hebat oleh kedua-dua belah keluarga. Demikian halnya dengan perkahwinan Jamjin dan Puntis yang mendapat tentangan hebat kedua belah pihak sehingga menimbulkan konflik perebutan mayat Puntis yang ingin dituntut oleh kedua belah pihak. Jamjin ingin mengebumikan isterinya dengan cara Islam sedangkan Maragang mahu anaknya dikembumikan dengan cara tradisi orang Dusun yang mengamalkan paganisme.

Bertitik tolak daripada unsur-unsur pertentangan adat tradisi itu, pengarang menampilkan *Mariga* dengan pengekalan unsur kehadiran pertentangan adat tradisi yang ada di negeri Sabah. *Mariga* mengemukakan unsur kehadiran adat tradisi suku kaum Murut yang ada di negeri Sabah, berlatar belakang Ulu Kuamut di daerah Sandakan. Pengarang

membentangkan tentang tradisi ngayau yang masih wujud sekitar abad ke-17. Tradisi ngayau yang wujud dalam novel *Ngayau* yang melibatkan orang Dayak di Sarawak, turut diketengahkan oleh pengarang dalam *Mariga*. Ia menunjukkan bagaimana pengayau kepala Dayak dari pedalaman Kalimantan menyerang penduduk kampung untuk mendapatkan kepala.

Unsur kehadiran tradisi mengayau kepala ini dikukuhkan dengan penjelasan bahawa orang Murut yang sebenarnya merupakan rumpun Dayak di kepulauan Borneo. Orang Murut juga mengamalkan tradisi memburu kepala bagi mengangkat maruah dan harga diri pahlawan-pahlawannya. Jabid dan rakan-rakannya telah ditugaskan untuk mengayau bagi mendapatkan singkowoton. Jabid rela melakukan itu demi maruah bangsa mereka dan bukti kepahlawanannya. Singkowoton yang diperoleh daripada tugas mengayau itu akan digantung di balai rumah dan pada majlis keramaian seperti menari lansaran, singkowoton itu akan dicapai.

Selain daripada itu, unsur tradisi yang dihadirkan dalam teks juga merujuk kepada tradisi perkahwinan dalam masyarakat Murut. Dengan panjang lebar, pengarang memberi penjelasan tentang berian atau hantaran yang perlu dilakukan oleh lelaki yang ingin berkahwin dengan wanita Murut. Tajau atau tempayan pelbagai rupa yang kebanyakannya mahal, gong jenis suluk serta wang ringgit sebagai hantaran dijelaskan Walter Flint kerana ingin mengahwini Lingad. Pengarang menjelaskan seperti berikut:

*Dalam majlis yang meriah itu, bukan main bangganya Sempurna Numpal. Semua jenis tempayan; tilus, binukuk, balasanon, balayung air, mandila lair dan tiowon diatur di atas para di tepi dinding rumahnya selain tajau yang digunakan untuk membuat tapai. Para tetamu yang hadir dalam majlis itu berasa kagum atas*

*keberuntungan Sempurna Numpal. Dia menerima hantaran wang yang banyak. Namun, ada juga hutan dan harus menunggu upacara buloi dan abab. Orang putih itu tidak perlu melangsungkan upacara tinauh. Dia sudah melangsungkan semua tanggungan adat hantarannya....*

(hlm 236-237)

Adat yang turut berkaitan dengan adat perkahwinan Murut yang dihadirkan dalam teks *Mariga* juga tentulah adat *mariga*. Adat ini berkaitan dengan amalan masyarakat Murut berkenaan bagaimana keluarga pengantin perempuan berhak datang ke rumah pengantin untuk mengambil apa sahaja barang yang ada di rumah pasangan pengantin tersebut.

*Sukar baginya untuk membanteras adat itu, walaupun bantahan disuarakan kepada Lingad untuk disampaikan kepada ayah dan suku sakatnya. Tetapi bantahan itu tidak pernah sampai kepada orang ditujunya. Dia tahu, Lingad itu nyainya. Dia tidak mempunyai kekuatan untuk mencegah saudara-maranya daripada mengambil limpawa mariga mereka. Itu hak mereka.*

(hlm 325)

Selain unsur kehadiran, pengarang turut melakukan pelanggaran melalui watak utama yang ditampilkan pengarang. Walter Flint ditampilkan bagi menggantikan watak-watak lelaki peribumi yang menghadapi konflik perkahwinan. Sungguhpun tidak ada halangan dalam perkahwinan mereka kerana kedua-duanya tidak beragama Islam namun, pelanggaran dari segi ketidakfahaman adat tetap diwujudkan. Perkara ini menimbulkan konflik berterusan antaran Walter Flint dengan isteri dan keluarga isterinya.

Walter Flint menganggap bahawa tindakan keluarga Lingad mengambil barang-barang yang ada di rumahnya lebih-lebih lagi

barang dagangannya adalah satu tindakan yang salah dan tidak masuk akal. Walter Flint telah menulis seluruh harga barang yang diambil oleh keluarga Lingad dan menganggapnya sebagai hutang. Namun Lingad dan Luminis menentang perbuatan Walter Flint. Luminis berhujah seperti berikut:

*“Tuan tidak boleh berbuat begini,” nasihat Luminis beberapa kali. “mengambil barang dagangan tuan dan memakannya bukan menjadi hutang mereka. Mereka berhak mengambil barang itu kerana tuan menjadi adik ipar, menantu atau langgu mereka.”*

*“Mana boleh, barang makanan yang mereka ambil bukan saya dapat percuma. Saya membelinya. Lagipun saya membeli barang-barang itu untuk saya jual di kedai saya. Bukan dimakan percuma oleh mereka.”* Walter Flint meninggikan suaranya membantah adat tersebut.

(hlm 253-254)

Pelanggaran turut terjadi dengan pemaparan budaya tradisi Barat yang bertentangan dengan tradisi Murut melalui tindak-tanduk Flint yang mencumbui isterinya di hadapan orang ramai. Penonjolan budaya Barat dalam tradisi etnik terutama bagi masyarakat pedalaman Sabah yang tertutup dan terikat dengan adat tradisi yang ketat, menggambarkan bahawa kedua-dua tradisi mengalami perbezaan yang sangat ketara. Masyarakat etnik Murut yang pemalu dan tidak terdedah dengan budaya sedemikian berasa terhina dan malu. Contohnya:

*“hentikan itu!” teriak aki Nampulur. “tidak manis melakukan itu di khalayak ramai. Anda tidak malukah mencumbui isteri anda dalam khalayak manusia yang ramai begini? Mata Aki Nampulur marak memandang Walter Flint.*

(hlm 244)

Satu lagi bentuk pelanggaran yang dilakukan pengarang dalam *Mariga* ialah apabila pengarang yang sekali gus mengukuhkan konflik budaya yang cuba ditonjolkan oleh pengarang dalam karyanya dengan memasukkan unsur dengki, khianat, fitnah dan hasutan yang berlegar dalam masyarakat dan menjadi satu faktor besar dalam kemusnahan masyarakat.

Lintukan seringkali menghasut Sempurna Numpal agar mengambil senapang Walter Flint. Lintukan turut menghasut Sempurna untuk memisahkan Lingad dan suaminya. Sempurna Numpal yang pada mulanya sangat sayang kepada menantunya telah termakan hasutan tersebut dan menyebabkan Walter Flint dan Lingad bermasam muka. Sempurna Numpal tanpa usul periksa juga hampir membunuh Walter Flint dan tidak peduli kepada menantunya ketika dia diserang penyakit malaria.

*“Itulah saya, ambil saja senapang Walter Flint itu. Senapang itu dia akan bawa balik ke negerinya kalau dia pulang nanti. Sayang Pak Ketua tidak mengambilnya.” Tukas Lintukan. “Lagipun kalau dia menceraikan Lingad, dia akan mengahwini wanita lain. Maklumlah, dia itu jejak segak. Bila-bila saja dia boleh berkahwin, ramai gadis yang tergila-gilakan dia. Bila ini berlaku, senapang itu akan dimiliki oleh keluarga yang baru dikahwininya. Mereka tentu berani mengambilnya. Itu sudah seperti hak mereka. Adat Mariga itu membolehkan.” Lintukan menyambung.*

(hlm 268)

Fitnah dan hasutan menyebabkan Tuan Residen menurut sahaja kemahuan Raffle Flint untuk membunuh keluarga besar Sempurna Numpal dan menyebabkan Lingad menjadi anak yatim piatu. Pengkhianatan terhadap bangsa peribumi dilakukan oleh pegawai polis

yang ditugaskan mencari dan menyiasat pembunuhan Walter Flint. Tanpa banyak soal, mereka termakan hasutan Raffle Flint untuk membunuh dan memenggal kepala orang Murut tanpa belas kasihan. Mereka hilang pertimbangan akibat hasutan tersebut.

*“Saya tahu, orang-orang Murut adalah musuh tradisi kamu. Ramai keluarga kamu yang mati dibunuh dan dipenggal kepalanya oleh mereka, Sekarang kamu berpeluang membalas dendam. Di dalam rumah panjang itu ada beratus-ratus orang Murut yang sedang lalai. Mereka berpesta. Mereka bersuka gembira dan berseronok. Orang yang bersuka gembira dan berseronok selalu lupa pada bahaya. Gunakan kesempatan ini untuk membunuh mereka. Tembak mereka, pancung kepala dan ambil kepala itu. Gantung di rumah panjang kamu sebagai trofi. Kamu hadiahkan kepala itu kepada bakal bapa mentua kamu bagi yang belum berkahwin. Penyerahan kepala itu menandakan kamu berani, dapat mengawal keselamatan isteri kamu. Kamu tentu dipuji kerana bersikap berani. Kamu adalah anak jantan sejati.” Raffle Flint menghasut polis-polis Dayak itu.*

(hlm 432)

Sikap orang Dayak yang bekerja dengan kompeni Inggeris sebagai polis tidak memiliki integriti dan semangat kebangsaan sebagai pelindung masyarakat. Walaupun mereka sebelum ini tinggal di hutan, bermusuh dengan orang Murut dan mengamalkan ngayau, mereka sepatutnya tidak membunuh tanpa usul periksa. Tindakan mereka membunuh seluruh keluarga termasuk kanak-kanak dan wanita adalah tindakan yang kejam. Tindakan mereka dianggap sebagai pengecut dan pengkhianat bangsa. Ia bertentangan dengan keperwiraan yang ditunjukkan Jabid. Pemuda ini dengan lantang (ini adalah pemikiran pengarang yang disalurkan melalui watak Jabid) menyatakan seperti ini;

*“Betul, dia bukan tunang saya, bukan juga adik saya, jauh sekali isteri saya, tapi dia itu bangsa saya. Saya berhak melindungi bangsa saya. Engkau harus tahu itu, saya berhak melindungi bangsa saya,” Jabid menuding muka sahabatnya itu. Mukanya kelihatan merah dan bengis.*

(hlm 120)

Penonjolan sikap polis kompeni itu sebenarnya merupakan satu bentuk idealisme pengarang yang disisipkan dalam novel tersebut secara halus. Bagaimana bentuk tanggapan orang asing seperti Inggeris terhadap peribumi. Kehadiran idea ini tentu sahaja didasarkan kepada tanggapan yang mengatakan tentang peribumi malas atau orang Melayu malas yang sering dimomokkan oleh orang Inggeris. Hal ini dapat dilihat melalui peristiwa berikut:

*“Itulah, tabiat orang Murut. Kerjanya minum arak pagi dan petang. Mereka malas, tidak mahu membuat kerja. Ada masa lapang, mereka tidur sepanjang hari. Macam mana nak hidup senang,” dengus Walter Flint. Wajahnya kelihatan marah.*

*“Jangan hina ayah dan bangsa saya. Walaupun mereka malas, suka minum arak, tetapi mereka tidak pernah kebuluran. Mereka tidak pernah kelaparan. Mereka cukup makan,” kata Lingad mempertahankan maruah ayah dan bangsanya. Dia amat meluat dengan sikap Walter Flint yang bercakap menghina itu.*

*“Betul, tetapi mereka kuat berhutang. Sehingga sekarang, ayahmu tidak pernah membayar hutangnya. Nak cari damar, rotan dan binatang buruanpun mereka malas,” kata Walter Flint lebih berani. Dia seperti tidak menghormati isteri dan bapa mentuanya lagi.*

*“Malas? Siapa kata mereka malas? Malam-malam buta mereka sudah berjalan mencari binatang buruan. Alam masih gelap pekat mereka sudah ke ladang, meneroka tanah baharu, mereka mengerjakannya beramai-ramai...”*

*“Walaupun kami bangsa yang engkau kata malas, tetapi kami tidak pernah merantau jauh mencari nafkah seperti engkau. Sedarkah engkau, tanpa kami, bangsa yang kau kata malas ini, engkau tidak dapat apa-apa. Engkau kerah keringat bangsa saya, kerana engkau ingin mengaut keuntungan untuk memakmurkan bangsa dan negara engkau,” tambah Lingad. Dia menafikan pandangan rendah suaminya terhadap bangsanya.*

(hlm 351)

Kehadiran pemikiran dan ideologi pengarang melalui perbincangan tersebut menjelaskan tentang tanggapan orang asing terhadap peribumi dan ia ditepis pengarang melalui dialog Lingad. Tanggapan-tanggapan masyarakat Barat terhadap masyarakat peribumi yang tidak bertamadun juga ditonjolkan melalui ingatan-ingatan Walter Flint terhadap nasihat ibunya yang melarangnya datang ke Borneo utara.

Satu lagi bentuk kehadiran yang mengukuhkan idealisme pengarang dalam karya ini ialah penonjolan tragedi yang menjadi identiti dalam karya Amil Jaya. Karya sebelum ini, iaitu *Bagaton* menyaksikan tragedi pembunuhan Jamjin akibat perebutan jenazah Punti. Melalui *Mariga*, unsur tragik dimunculkan melalui pembunuhan keluarga Lingad.

*Berpuluh-puluh kepala sudah tercantas. Kepala orang muda, orang tua dan remaja. Polis-polis kompeni itu sedang mabuk darah dan sedang berpesta*


Jika sebelum ini pengarang hanya memfokuskan kepada konflik antara tradisi budaya etnik-etnik yang ada di Sabah, novel *Mariga* menyuguhkan konflik antara etnik peribumi serta konflik antara etnik peribumi dengan orang luar atau bangsa asing. Peningkatan ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan pengarang sebagai pengarang tragik budaya antara etnik malah novel ini membawa satu konsep tragis budaya yang lebih bersifat mancanegara. Bukan budaya antara etnik sahaja yang ditonjolkan pengarang malah pertembungan budaya peribumi dan budaya luar turut menjadi konflik identiti yang menjadikan novel *Mariga* sebagai sebuah novel yang lebih unggul berbanding novel-novel sebelumnya.

*memenggal kepala orang yang lemah. ...selepas itu emosi dendam Raffle Flint meruap lagi. Setiap lelaki yang melintas di hadapannya ditembak. Banyak korban yang ditembaknya. Dia juga seperti kemabukan darah. Dentuman pistol Raffle Flint berterusan. Cantasan ilang polis-polis kompeni itu berulang-ulang. Mayat bergelimpangan dan darah terpercik di mana-mana di halaman rumah panjang itu.*

(hlm 438)

Kewujudan unsur tradisi yang dikemaskan dengan unsur-unsur luar serta pengkhianatan yang dicetuskan dalam novel ini mengangkat idealisme pengarang di tahap yang lebih tinggi berbanding sebelumnya. Jika sebelum ini pengarang hanya memfokuskan kepada konflik antara tradisi budaya etnik-etnik yang ada di Sabah, novel *Mariga* menyuguhkan konflik antara etnik peribumi serta konflik antara etnik peribumi dengan orang luar atau bangsa asing. Peningkatan ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan pengarang sebagai pengarang tragik budaya antara etnik malah novel ini membawa satu konsep tragis budaya yang lebih bersifat mancanegara. Bukan budaya antara etnik sahaja yang ditonjolkan pengarang malah pertembungan budaya peribumi dan budaya luar turut menjadi konflik identiti yang menjadikan novel *Mariga* sebagai sebuah novel yang lebih unggul berbanding novel-novel sebelumnya.

Dari segi gaya bahasa, secara keseluruhannya gaya bahasa pengarang lancar dan sangat dramatik, sejajar dengan pengalaman yang dimiliki oleh pengarang. Perkara yang lebih menarik ialah kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan yang dilakukan pengarang dengan penggunaan dialog dalam bahasa Inggeris antara Walter Flint dengan Tuan Resident pada akhir cerita. Penggunaan dialog yang mempunyai sari kata itu mengukuhkan lagi kedudukan novel tersebut sebagai novel yang dapat diangkat ke persada antarabangsa. Jika setiap dialog antara orang Inggeris dilakukan sedemikian, tentu sahaja karya ini mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada apa yang dilihat pada masa ini. Namun ia tetap tidak menghilangkan keunggulan teks tersebut.

Ismail Abbas atau Amil Jaya ialah seorang penulis novel tragedi budaya belum dapat ditandingi oleh penulis lain di Malaysia. Keunggulan dan idealisme pengarang telah meletakkan Amil Jaya pada kedudukan yang tersendiri. Karya-karya Amil Jaya berkesinambungan dengan adat tradisi dan konflik budaya memberi impak tersendiri kepada gaya kepengarangan Allahyarham. Oleh hal yang demikian, kajian terhadap novel *Mariga* dengan menggunakan teori teksdealisme mencungkil kelebihan yang wujud dalam karya tersebut tanpa meniadakan kemampuan novel-novel Allahyarham sebelum ini. 

# Kain Kuning

oleh SITTI RAHMAH G. HAJI IBRAHIM

Penerbangan dari Kota Kinabalu ke Jakarta memakan masa hampir dua jam lebih. Hindun terasa percutiannya kali ini bagaikan ada sesuatu yang tidak kena. Hatinya begitu rusuh dan gelisah. Jiman mantan suaminya. Meskipun mereka telah bercerai 15 tahun lalu, tetapi hubungan mereka masih mesra. Mereka merupakan pasangan kekasih yang bahagia.

Jiman kekasih hatinya telah bersedia menanti kedatangannya. Jiman akan membawanya ke daerah Ciwidey, Bandung untuk melihat ladang strawberi yang telah dibelinya 15 belas tahun dulu. Di ladang strawberi itu ada restoran dan chalet. Perniagaannya cukup berkembang. Mengusahakan ladang strawberi itu menjadikan dia seorang saudagar terkenal di



Ciwidey, Bandung. Selain ada ladang, restoran dan chalet, dia juga ada perusahaan pengangkutan di Jakarta dan Bandung.

Tiba-tiba Hindun merasakan ada sesuatu yang mengganggu emosinya - yang sekian lama begitu bahagia. Dia ada harta yang diperolehnya dari Datu Saufi - suaminya. Melancong ke mana-mana yang dia suka. Dia juga boleh memiliki apa saja yang dia mahu. Tetapi, dia tidak dapat memiliki apa yang dia impikan - sebuah rumah tangga yang bahagia. Akurlah dia kini wang ringgit juga tidak menjamin kebahagiaan. Rimbunan wang tidak mampu membeli cinta dan kasih sayang. Datu Saufi dan Jiman dua insan yang hadir dalam perjalanan hidupnya membuatkan jiwanya bercelaru, membuat perjalanan kali ini dirasainya begitu lambat meskipun cuma dalam masa setengah jam sahaja lagi akan tiba di lapangan terbang Sukarto.

Hindun resah. Dia menyandarkan kepalanya. Dalam masa yang sama dia mencongak-congak harta yang telah menjadi miliknya secara total. 15 belas tahun hidup bersama Datu Saufi, dia telah mempergunakan sebaik mungkin. Sudah banyak harta yang dikumpul dan sebahagian daripada harta itu dia telah tukar atas namanya, menjadi miliknya secara mutlak.

Hindun menarik nafas panjang dan menghembusnya perlahan-lahan. Dia cuba memejamkan matanya melihat ke dalam dirinya. Mengingatkan segala yang dialaminya - tentang liku-liku kehidupan dilaluinya yang penuh ranjau dan cabaran. Semua itu menakluki pemikirannya. Bukan sahaja masalah Datu Saufi yang mengundang persoalan, tetapi mengenang perjalanan hidupnya yang penuh ranjau, terpisah daripada anak kandungnya. Dia sendiri tidak tahu kenapa dia akur dengan kehendak ibu dan ayahnya sehingga rela menyingkirkan Fikri - anaknya. Dia turut saja kata ibunya, walau pada mulanya membantah, tapi kemudian akur dalam terpaksa.

“Bahagiakah aku?” gumamnya. Matanya terkedip-kedip. Hidup bersama Datu Saufi dia dapat memiliki segala-gala yang dikehendaki, tetapi tanpa cinta yang tulus. Dia tidak terasa kebahagiaan, seperti mana dia bahagia bersama Jiman. Dia tidak dapat memiliki hati Datu Saufi sepenuhnya. Meskipun dia menyedari hakikat itu, namun kesinambungan hidup diteruskannya juga. Fitrah hidup tidak semuanya mengasyikkan dan membahagiakan. Dia mengakui kata-kata Jahidah yang mengatakan bahawa kalau dalam perkahwinan itu, kita mahu harta, hartalah yang kita dapat, tidak kasih dan sayangnya. Memang benar kini dia hanya dapat harta, tetapi tidak cinta dan kasih sayang. Rumah tangganya bersama Datu Saufi terolang-alang ibarat kapal belayar tanpa haluan.

“Ya Allah, inikah ganjaran yang aku dapat atas apa yang telah aku lakukan dalam hidup ini!” Jiwa Hindun terganggu. Dia membuang pandangan ke luar jendela. Awan putih memenuhi ruang atmosfera, tiada apa yang kelihatan. Dia berada di pertengahan antara bumi dan langit. Dia cuba menyelesaikan diri - melupai pemikiran yang menyanggah. Namun, terasa sukar untuknya melupai episod yang lalu itu. Semunya bermain semula di mindanya. Fikirannya melayang jauh - menyelami memorinya, mengingat semula zaman yang telah dilalui. Pahit dan manis, pada suatu ketika dulu, 15 belas tahun yang lalu.

Jiman tidak mampu memberikannya kemewahan. Dia menyayangi Jiman, rela hidup menderita asalkan hidup bersama Jiman. Tetapi tertewas oleh ketidakupayaan Jiman membeli hati ibu bapa Hindun. Kekurangan materialistik, kemengkalan otak Hindun, kekurangan fahaman agama, telah mendorong segala-gala penyeksaan kepada Hindun.

Jiman merupakan mahasiswa dari Indonesia. Mereka bertemu ketika belajar di sebuah Universiti di Amerika Syarikat - mengambil bidang perniagaan. Mereka bercinta dan akhirnya bernikah tanpa

pengetahuan ibu bapa Hindun.

Kedua-dua ibu dan bapa Hindun telah menunangkan Hindun dengan pilihan mereka iaitu Datu Saufi, tanpa pengetahuan Hindun ketika Hindun masih belajar lagi di luar negara. Datu Saufi berketurunan bangsawan, kaya dan berjaya dalam segala segi. Kekayaan Datu Saufi telah membutakan dan membelenggu pemikiran ibu bapa Hindun, meskipun Hindun telah beralasan menolak perancangan mereka itu. Tetapi ketika itu, keadaan perniagaan ayahnya yang sedang mengalami kemerosotan menyebabkan Hindun tidak berdaya untuk menolak. Dia mengorbankan cintanya terhadap Jiman – meskipun hasil perkahwinan mereka di luar negara itu, telah menghasilkan seorang anak. Terpaksa ditinggalkan dengan Jiman. Hindun menjadi mangsa percintaan yang amat menyakitkan.

Hindun dalam keadaan celik mindanya, dalam lingkaran terpelajar yang tidak dapat membezakan baik buruknya itu, seharusnya punya kedirian terhadap diri sendiri, untuk membina sebuah kehidupan abadi yang harmoni. Tetapi semua itu telah di musnahkan oleh ibu bapanya. Hindun seperti boneka mengikut kata mereka. Tidak berdaya untuk menentang, apa lagi untuk melarikan diri dari permasalahan itu.

Hindun telah melanggar tatasusila kerana berkahwin di luar negara tanpa wali bapanya yang cuma disaksikan oleh teman-teman terdekat. Atas desakan cinta, Hindun telah membelakangi dan mengingkari ketaatan pada ibu dan bapanya. Keingkaran itu telah membuatkan Hindun berasa bersalah terhadap apa yang telah dilakukannya.

Hindun cuba menebus dosanya dengan mengikuti kehendak ibu bapanya. Ibunya yang terlalu materialistik, tergamak memisahkannya dari Jiman, seorang lelaki yang amat dicintainya. Memang tidak logik seorang yang terpelajar sepertinya, tidak berdaya dan berupaya untuk melarikan diri dari cengkaman ibu bapanya yang pentingkan diri sendiri itu.

Tetapi itulah hakikat yang ditanggung oleh Hindun. Reda tanpa pasrah kepada kehendak mereka. Setia dalam kederhakaan terhadap ibu bapa.

Pengalaman hidup ketika tinggal lama di luar negara, telah Hindun manfaatkan, meskipun dia dianggap lemah dan bodoh oleh setengah teman-teman yang mengenalinya. Pengecut dengan keputusan diambilnya. Meninggalkan Jiman dan menuruti kehendak ibu bapanya.

Hindun sendiri memasang strategi atas kapasitinya sebagai pelajar yang telah tamat pengajian, sebagai anak, ibu dan bakal isteri kepada Datu Saufi, anak orang hartawan untuk kehidupannya sendiri. Dia merela segala-galanya-menuruti waktu situasi yang telah dirancang oleh ibu bapanya. Hindun sendiri ada prinsip meskipun dianggap bodoh, untung nasib sabut tenggelam, untuk batu timbul, yang dianggapnya sebagai satu pertarungan antara menang dan kalah.

Hindun sanggup mempertaruhkan kehidupannya meskipun dianggapnya berisiko. “In...” Jaidah menepuk paha kanan Hindun yang jauh melamun. Wajah Hindun ditatapnya dengan pandangan yang tidak berkedip. Wajah itu kelihatan begitu rusuh.

“Ha?” Hindun tersentak. Lamunannya terhenti. Dia mengalihkan pandangannya kepada Jahidah dan beralih kepada Karmila. Dua orang wanita yang sedang mengapit, duduk bersamanya itu, yang akan menemaninya ke mana sahaja dia pergi.

“Mengelamun? Dah nak sampai ni, sekejap lagi...” Jahidah menggeleng-geleng. Senyum manis terukir dibiarnya. Menyusuri pemikiran Hindun yang bercelaru.

“Sedang merenung masa depan...” balasnya selamba sambil senyum, cuba menangkan dirinya sendiri.

“Apa lagi yang awak fikirkan.? Semuanya dah ada. Apa yang kau mahu semua In dah dapat,” celah Karmila.

“Kadang-kadang sesuatu yang tak dijangka

itu, tanpa disedari akan membelenggu, meskipun cuba untuk dihindari,” kata Hindun. Dia menarik nafas panjang.

Dia tunduk, cuba menyelongkar perasaan dan pemikirannya. Jiwanya, emosinya bergelora seperti tsunami. Resahnya bukan kepalang. Wajah Jiman, Fikri dan Datu Saufi silih bertindan di ruang matanya. Antara kasih sayang dan harta. Memilih harta dia kehilangan kasih sayang dan cinta seorang lelaki yang ikhlas. Dia tahu kalau tidak kerana “kain kuning berbuku tujuh”, Datu Saufi tidak akan mencintai dan menyayangnya. Dia juga tidak pasti sama ada “kain kuning” misteri itu ada kemisterian dan keajaibannya. Apabila bernikah dengan Datu Saufi, dia seolah-olah akur dengan susunan takdir untuknya. Tanpa rontaan dan bantahan seperti mula-mula menolaknya.

“Melalui suara In, ada yang tersekat, pandangan awak kabur seperti melihat benda menakutkan. Apa yang sedang In fikirkan?” tanya Jahidah lagi.

Hindun tidak segera bersuara, dia merenung wajah kawan-kawan usahawan di sebelahnya itu. *Make-up*nya tebal. Tidak ubah seperti artis. Kalau dia tidak memakai *make-up* mukanya pucat lesi, tidak ada seri.

Hindun segera beristighfar. Begitu jauh fikirannya melampaui keperluan otaknya. Seharusnya tidak difikirkan benda yang tidak mendatangkan apa-apa manfaat, malah hanya untuk membuatkan dia stres dengan situasi yang amat menekan emosinya itu. Seharusnya tidak perlu lagi difikirkan kisah silam yang menyakitkan hatinya itu. Tidak perlu memikirkan hal lain, tidak lagi mempersoalkannya, apa yang berlaku itu bukan atas kehendak dan keinginan tetapi kerana kejadian dan peristiwa yang menyimpannya adalah takdir yang mengikuti urutan waktu yang telah menentukan segala-galanya.

Hindun letih untuk memikirkan hal-hal yang tidak dapat memberikan apa-apa

penyelesaian. Dia menghela nafas panjang, cuba untuk meyakinkan dirinya, memadamkan segala kepahitan yang dilalui kerana kesilapan sendiri itu, lalu menghukumnya untuk pasrah pada semua. Meskipun diakui ketidaksempurnaan itu telah merangsangnya bertindak tidak rasional, bernikah dengan Jiman tanpa wali, kemudian bercerai ketika cinta mereka masih bersemarak lalu berkahwin dengan Datu Saufi tanpa kerelaan. Dimensi kehidupan yang penuh porak-peranda yang harus dilaluinya. Penderhakaan terhadap ibu bapa ketidaksetiaan terhadap cintanya kepada Jiman, telah memusnahkan kehidupannya sendiri.

“Seharusnya tiada apa lagi yang perlu disesali, In. Semuanya dah terjadi, tak ada apa lagi yang boleh diubah. Justeru itu sebelum bertindak, haruslah memikirkkan sedalam-dalam impaknya. Kelewatan menentukan hanya menyiksa diri sendiri In,” kata Jahidah menenangkan Hindun.

“Memang tak ada yang perlu disesali ... penyiksaan itu adalah penghakiman dan menyedarkan punca semua berlaku adalah atas sikap sendiri yang keterlaluan, bukan begitu In?” ujar Karmila. Dia tersenyum sinis. Seharusnya Hindun tidak membiarkan dirinya hidup dalam dosa-dosa.

Hindun terus mendinginkan diri. Kebungkaman itu membatasi pemikirannya, membuatkan dia serbah salah dan kesal. Tidak banyak diketahui oleh kedua temannya tentang liku-liku kehidupan yang dilalui. Dalam keterbukaannya, masih ada perkara yang tersimpan, menjadi rahsia kehidupannya. Meskipun banyak beranggapan kebodohnya itu telah memangsakan dirinya. Namun Hindun akui, itulah takdir yang tidak boleh dihindarinya. Akur pada takdir.

“Apabila cinta sudah tawar, kita kehilangan peluang dua bulan sekali makan angin ke luar negara, bukan gitu In?” kata Jahidah. Dia menatap Hindun dan Karmila silih berganti. Mereka bertiga merupakan sahabat

yang sejati sejak sekolah rendah dan hingga kini. Meskipun bukan semua cerita duka dapat dikongsi bersama namun, Hindun tetap mengharapkan kehadiran mereka itu sekurang-kurangnya dapat mengimbangi emosi dan pemikirannya untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi.

“Apa boleh buat, siapa kita yang boleh menolak susunan takdir,” sahut Karmila. Dia tersenyum sinis. Bergurau.

“Rasanya tanpa cinta Datu Saufi, In masih boleh meneruskan kehidupan, bukan begitu?” Dalam keresahan Hindun, Jahidah terus mengusiknya. Hindun cuma tersenyum. Telah terbiasa dengan keterbukaan kedua-dua wanita itu yang punya rahsia tersimpan. Tersendiri.

“In, dah jatuh cinta sangatkah dengan Saufi tu, sehingga nak tinggalkan sesaat dah resah?” Jahidah minta kepastian.

“Macam manapun keadaannya Datu Saufi itu, dia tetap seorang suami yang baik, cuma kedinginannya itu sejak kebelakangan ini menjadi persoalan...” ujar Hindun tiba-tiba bersuara. Jengkel jua hatinya, mempertikaikan Datu Saufi. Dia bukan sahaja kaya raya, tetapi dia juga merupakan seorang lelaki yang tampan dan kacak. Penampilannya sungguh maskulin. Tetapi kedua wanita yang telah dikenalnya itu terus mencungkil misteri dan rahsia hidupnya. Sepatutnya tiada sesiapa mempersoalkan, walaupun dirinya sendiri.

Hindun melihat Jahidah, menatap Karmila, kemudian mengalihkan pandangan ke luar jendela yang kelam. “Menarik sangatkah cerita In? Respons awak berdua sungguh memberangsangkan,” ujar Hindun. Dia begitu kritis terhadap kedua wanita yang menjadi sahabatnya itu. Yang sering mahu tahu perkembangan hidupnya. Ke mana saja diburu dan diikuti. Dia menggeleng-geleng.

Jahidah menatap Hindun. Pandangan mata mereka bertemu. “Sepatutnya kami tidak menekan awak dengan pernyataan itu, ianya satu renungan ikhlas dari seorang kawan kepada seorang kawan, tentu awak tak

menentanginya, bukan.?”

Hindun menarik nafas panjang. Terdiam. Kematangan mendepani kedua wanita yang sebayanya itu memerlukan satu eksperimental yang memudahkan untuk memahami kenyataannya. Meskipun tidak mengandungi makna apa-apa, tetapi tanpa disedarinya, setiap apa juga yang terluah dari buah pemikirannya menjadikan satu mitos untuk dirungkaikan dan dimaknakan.

“Saufi macam dah berubah, ” suara Hindun perlahan.


“Berubah?” Kamila dan Jahidah berpandangan.

“In, dah dapat apa yang In, mahu. Kasih sayang dan cinta itu adalah segala-gala dalam perkahwinan. Tetapi itu bukan penting bagi In. Semuanya tergantung kepada nawaitu kita,” kata Jahidah kemudian. Dia menatap wajah Hindun.

“Kain kuning yang ada dalam genggamannya?” tanya Karmila. Berderai tawa mereka.

“Dah tawarkah? Sebaiknya In bertindak sebelum Si Saufi terhidu perangai In. Sudah sampai masanya In bertindak,” kata Karmila. Dia sudah tidak mahu bersubahat dengan Hindun. Dia bimbang kalau satu saat Datu Saufi tahu tingkah laku Hindun. Dia tidak hairan kalau hal-hal itu berlaku. Setiap ilmu hitam tidak akan sampai ke mana.

“Kain kuning itu In simpan di mana? Jangan kedapatan oleh Saufi. ” Risau juga hati Jahidah. Kalau selama ini Datu Saufi mengikut katanya, mungkin dalam beberapa waktu lagi, Datu Saufi akan meninggalkannya. Ada rasa bahagia di hati Jahidah. Hindun pun masih mencintai Jiman. Dia juga simpati Fikri masih perlukan kasih sayang Hindun. Dia berharap biarlah Hindun kembali hidup bersama Jiman dan anaknya.

Serentak itu, pengumuman persediaan kapal terbang akan mendarat di landasan. Mata Hindun membuntang. Hindun menarik nafas panjang sambil mengikat tali pinggang. Dadanya merusuh. 

Membalas Surat Elizabeth

*Di bumi kami ini tiada musim bunga tanpa musim salji, pokok-pokok kami tetap juga berbunga menghasilkan buah.*

*Aku amat pasti musim-musim itu sekadar pemisah peradaban dan penjarak kemesraan.*

*Kami ada hari-hari yang terbaik, pengganti musim-musimmu itu. Mentari memuntahkan cahaya emas. Pantai dan padang hijau meriah, mencipta arena indah, riang, dan mesra. Memeluk seluruh generasi.*

*Hantarlah anak-anakmu bermukim di sini. Mereka pasti akan menilai dan menikmati kemewahan hakiki kami ini.*

*Kami juga ada hari-hari yang sunyi. Apabila daun-daun getah gugur dan susunya malas turun ke mangkuk. Penoreh-penoreh termangu di tangga, sedang anak-anak ke sekolah juga. Walau tanpa minum pagi tanpa belanja, kami tetap mampu bahagia.*

*Kau mungkin ketawa memperlekehkan kami. Tapi jangan pula lupa, dulu, bapamu pernah juga menoreh getah simpanan kekal kami ini.*

*Kami juga ada ketika-tika seronok berjalan-jalan di kebun. Kami miliki dan menikmati pelbagai buah-buahan. Pelbagai rasa memenuhi selera.*

*Seperti teman-temanmu yang lain, kau memang tidak menyukai durian. Aku pasti itu. Kerana, setiap yang lafaz dan wangi bagi kami, pasti busuk dan hapak bagi kamu.*

Ramlie A.R.





# Pak cik

oleh N.R. RAHIM

**P**ak cik memang seorang yang berpandangan kritis apabila membicarakan sesuatu isu menerusi tulisannya di dada akhbar tempatan. Tulisan pak cik setajam mata pedang dan sepahit hempedu. Sesiapa yang membaca tulisan pak cik pasti berasa panas hati. Pandangan dan pendapat pak cik sentiasa kurang disenangi

khalayak umum, ada yang marah dengan tulisan pak cik yang bersifat bias itu. Kadangkala membuat segelintir orang geram terhadapnya. Maklumlah pak cik juga bekas wartawan berpengalaman yang bijak memanipulasikan sesuatu isu.

Hasil tulisan pak cik banyak mendukung sebelah pihak dengan menghentam pihak lain.

Semua orang tahu, pak cik penyokong kuat *United Borneo Party* (UBP) yang memerintah Borneo Utara ini. Sokongan pak cik pada UBP begitu erat dan padu. Pak cik sangat aktif menulis artikel semasa pilihan raya umum ataupun kecil untuk mempengaruhi pemikiran rakyat agar menyokong dasar perjuangan UBP.

Hampir setiap tulisan pak cik itu menaikkan kemarahan para penyokong *United Borneo Organisation* (UBO). Mereka turut menyelar pak cik dengan memberikannya bermacam gelaran atau panggilan yang menjengkelkan. Tetapi pak cik tidak menghiraukan serangan peribadi musuh-musuh politiknya di dada akhbar. Sikap pak cik sangat *gentleman* menghadapi tohmahan yang dilemparkan terhadapnya. Pak cik lebih banyak membisu dari menjawab serangan mereka yang membabi-butu itu.

Membaca tulisan-tulisan pak cik yang tersiar di ruang akhbar *The North Borneo Times*, ramai orang beranggapan pak cik mampu pemimpin tertentu dalam UBPP. Tetapi, sebenarnya pak cik mencari makan macam orang lain sebab terikat pada peraturan organisasi yang dianggotainya. Pak cik sekadar mengikut rentak arahan orang atasan bagi menjaga jawatannya selaku Pengerusi Lembaga Kesenian Borneo. Kalau pak cik melawan arus alamatnya kurang berasaplah dapur.

Sejarah perjalanan hidup pak cik yang terlalu panjang untuk diceritakan pada sesiapa. Hanya segelintir yang tahu liku-liku hidup pak cik, terutamanya saudara-mara yang terdekat. Menurut cerita yang umum, pak cik mulai menjadi yatim piatu semasa berumur enam tahun dan dipelihara oleh datuknya. Hidup penuh derita dan sengsara menguatkan azam pak cik untuk menjadi insan berguna. Pak cik belajar bersungguh-sungguh sehingga memasuki sekolah menengah di pekan Bakut.

Tamat pelajaran di tingkatan tiga pada pertengahan tahun 1960-an, pak cik memasuki maktab perguruan di bandar dan menjadi guru.

Pak cik mengajar di sebuah sekolah rendah yang terletak di kampung pedalaman buat beberapa tahun. Semasa menjadi guru itulah pak cik turut menulis berita dan rencana untuk sebuah akhbar tempatan. Kerajinan pak cik menulis berita dan rencana, ditambah pula minat membaca tersemat di jiwa sejak kecil, secara tidak langsung menajamkan bakat pak cik dalam penulisan.

Hayat pak cik dalam dunia pendidikan cuma sekerat jalan bila memilih kerjaya sebagai wartawan sepenuh masa. Cinta pak cik pada dunia kewartawanan sangat mendalam, ternyata sukar dipisahkan. Justeru itu, pak cik memilih arena kewartawanan bagi mengembangkan bakat dan minatnya itu. Saban hari pak cik tidak lekang dari mesin taipnya dan terus menulis berita serta rencana, kadangkala menghasilkan cerpen bertemakan kehidupan masyarakat desa dan kisah berdasarkan pengalaman hidupnya.

Bukan setakat menjadi seorang wartawan berkaliber, bahkan pak cik juga turut menceburkan diri dalam gelanggang politik sebagai platform perjuangan dengan menyandang jawatan setiausaha kerja *United Borneo People Party* (UBPP) pada tahun tahun 1970-an.

Begitulah kemuncak kejayaan pak cik dalam politik, walaupun tidak pernah bertanding menjadi calon di mana-mana kawasan dewan undangan negeri dan parlimen. Peranan pak cik tetap penting untuk memperkasakan kedudukan UBPP. Kesetiaan pak cik pada UBPP jelas tidak berbelah bahagi.

Selepas UBPP tewas kepada parti baharu iaitu *Borneo People Party* (BPP) dalam pilihan raya umum pada pertengahan tahun 1970-an dan gagal membentuk kerajaan dengan hanya meraih 20 kerusi dari 50 kerusi yang dipertandingkan, pak cik berasa seperti burung kepatahan sayap. Mahu tidak mahu, pak cik terpaksa juga membuat keputusan menyertai BPP seperti ahli-ahli dewan undangan negeri yang lain setelah memikirkan UBPP bukan lagi

berkuasa memerintah Borneo Utara. Tindakan pak cik melompat ke parti lain itu dilihat seolah-olah mementingkan diri sendiri bukan sebagai pejuang sejati.

Berada di bawah tampuk pemerintahan BPP, pak cik hidup senang-lenang, makan mewah dan punya tempat tinggal selesa bersama anak bini. Pak cik sentiasa memikirkan isi perut yang perlu diisi supaya bertambah buncit. Soal perjuangan membela rakyat pak cik letakkan di tempat kedua ataupun ketiga. Matlamat utama pak cik berpolitik untuk mencari kesenangan dan kemewahan seberapa banyak yang mungkin.

Ternyata pak cik memang suka lompat parti, mencari makan. Dan, yang terkini pak cik penyokong kuat UBP selepas BPP kalah teruk dalam pilihan raya umum sembilan tahun lepas, sehingga parti itu dibubarkan. Tulisan pak cik di akhbar lebih cenderung membela UBP. Tiada siapa menafikan penglibatan pak cik secara langsung dalam politik, sekali gus menganggotai Parti UBP.

Dulu ada ura-ura dan cadangan mencalonkan pak cik untuk bertanding dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan N.50 Ulu Madang atas tiket UBP menentang calon UBO. Namun pakcik menduduki senarai pertama sebagai calon pilihan, memandangkan kredibiliti beliau memimpin Persatuan Rumpun Melayu Bumiputera Bersatu (RMBB). Akhbar-akhbar tempatan turut mensensasikan berita tentang pencalonan pak cik itu, sampai heboh satu Kampung Bakut.

Cadangan itu tidak menjadi kenyataan, sebaliknya UBP mencalonkan Encik Baharum Abbas, orang luar berasal dari daerah Putat yang terletak kira-kira 40 kilometer dari kawasan Dun Ulu Madang. Pemilihan Encik Baharum Abbas, Pengerusi Syarikat *Borneo Farm Pantation*, tidak mengecewakan pak cik. Pak cik akur dengan keputusan presiden UBP yang berkuasa mutlak memilih sesiapa sahaja yang sesuai dicalonkan bertanding merebut kerusi DUN. Pak cik sedar, tanggungjawab

menjadi wakil rakyat bukan mudah, ia satu amanah serta kepercayaan yang harus dipikul agar tidak tergelincir dari landasan perjuangan yang sebenar.

Soal menjadi calon atau tidak tetap kurang penting bagi pak cik sekarang ini. Pak cik akan menyokong sesiapa sahaja dicalonkan dan berkempen di media massa bagi memastikan kemenangan UBP dalam setiap pilihan raya kecil mahupun umum. Kesetiaan pak cik pada UBP telah terbukti tanpa sesiapa mempertikaikan. Tidak timbul soal kecewa sebab tidak dicalonkan bertanding. Pak cik bukan macam orang lain, asal tidak dicalonkan berasa kecewa pula, lalu bertanding secara individu dan menjadi pengacau undi. Manusia spesies begitu membuatkan pak cik rasa terkilan serta menganggapnya tidak layak mewakili rakyat setempat.

Penglibatan pak cik secara aktif dalam UBP membuat ahli-ahli Persatuan Rumpun Melayu Bumiputera Bersatu muak dan benci. Berbagai tohmahan dilemparkan oleh mereka kepada pak cik, kononnya pak cik kaki mengampu orang atasan UBP, tidak kurang pula menuduh pak cik barua dan bermacam lagi tohmahan yang tidak perlu disebut di sini.

Kempen dan fitnah sama yang turut dilontarkan ke atas pak cik semasa mesyuarat agung RMBB itu telah memberikan impak besar. Pak cik gagal mempertahankan jawatan presiden selepas tewas teruk kepada seorang aktivis seni dan budaya bergelar Pengiran. Pengaruh pak cik dalam Persatuan RMBB kini sudah berakhir. Pak cik tidak lagi mengemudikan Persatuan RMBB, dan hanya menganggotai UBP. Perjuangan pak cik sekarang adalah untuk memantapkan jentera bahagian parti.

Semasa forum mengenai syarat perjanjian yang diadakan di Dewan Perbendaharaan Kota Bandar Raya anjuran agensi persekutuan baru-baru ini, pak cik turut hadir sebagai pemerhati bebas dan bukan mewakili mana-mana agensi. Pak cik berdiri di tengah para hadirin tanpa menghiraukan ejekan beberapa orang anggota



UBO dan terus mengecam pihak-pihak tertentu yang disifatkannya hanya banyak bercakap tetapi kurang menangani beberapa perkara yang berkaitan dengan syarat perkara yang dijanjikan itu.

Ancaman dan gertakan segelintir pemuda yang merupakan penyokong fanatik UBO yang cuba berlagak samseng dengan bertindak sebagai pengganggu, tetap tidak melemahkan semangat pak cik untuk menegakkan kebenaran, meskipun pahit ditelan sesiapa. Gelagat pak cik itu membuatkan mereka marah dan hampir-hampir mahu membelasahnya. Kalau tiada kawalan keselamatan yang diketuai oleh seorang pegawai polis berpangkat Inspektor bersama anggota lain ketika itu, pasti pak cik menjadi mangsa keganasan para insan yang tidak bermoral.

Kini, pak cik giat pula menulis buku-buku politik buat bacaan para khalayak. Buku-buku politik hasil tulisan pak cik banyak diterbitkan dan dijual di merata tempat. Buku-buku politik pak cik turut mengisi rak-rak di perpustakaan awam. Khabarnya buku politik pak cik laris macam goreng pisang. Ramai orang suka membaca tulisan pak cik yang agak santai dan tidak terlalu memusingkan kepala. Pengalaman pak cik dalam bidang kewartawanan itulah yang menjadi aset untuk menghasilkan buku berunsurkan politik mengikut kaca matanya sendiri selain bersendikan fakta.

Menjelang pilihan raya umum DUN ke-7 berlangsung, pak cik sibuk sekali menulis artikel politik. Tulisan pak cik saban minggu tersiar di akhbar tempatan, tanda sokongan padunya pada UBP. Saranan pak cik kepada pengundi agar memberikan UBP mandat memerintah negeri sangat jelas. Dalam tempoh seminggu, tulisan pak cik dua tiga kali terpampang di akhbar, sampai ada pihak lain geram dan panas hati membacanya. Lebih-lebih lagi tulisan pak cik menyengat macam sembilu.

Tidakkah pak cik menyedari artikelnya yang tajam dan sinis itu telah melukai hati sebelah pihak lain? Penyokong tegar UBP pula bersorak, gembira membaca tulisan pak cik menghentam parti lawan. Sokongan mereka kepada pak cik bulat dan padu. Apa yang disogokkan oleh pak cik melalui tulisannya itu telah disambut oleh para penyokong UBP, lebih-lebih lagi dalam kalangan masyarakat yang tinggal di kawasan pendalaman. Barangkali ketika ini, para penyokong fanatik UBO sedang mengoyak-ngoyakkan artikel pak cik itu ibarat mereka membelasah batang tubuhnya.

Bijak sungguh pak cik membuat serangan psikologi ke atas parti lawan dengan sekadar menulis di akhbar tempatan. Tulisan pak cik setajam pisau itu membuat para penyokong UBO histeria membacanya. Mereka marah, melenting dan tersinggung dengan kenyataan pak cik yang dianggap tidak berasas dan main tangkap muat. Hasil tulisan pak cik memang tiada nilai akademik selain bebas menghentam parti lawan berdasarkan pandangannya sendiri. Mungkin inilah namanya politik yang tidak sunyi dari sepak terjang.

Kenyataan pak cik di akhbar tempatan, bahawa dia akan tetap tenggelam timbul bersama UBP, sama ada kalah ataupun menang, sungguh menjengkelkan pemerhati politik. Semua orang tahu siapa diri pak cik sebenarnya tapi malas mahu mengulas panjang. Orang-orang di sekeliling tertawa geli hati mendengar kenyataan pak cik itu yang sekadar menyedapkan hatinya sendiri bila seolah-olah terbayangkan kekalahan UBP yang mulai kurang sokongan daripada rakyat jelata. Tentu pak cik mempunyai perancangan lain menjelang kekalahan parti yang disokongnya itu. Selepas pilihan raya umum mungkin pak cik mahu menukar ideologi politik untuk keuntungan dirinya. **W**

# Pelancaran Pertandingan Menulis Novel Remaja 2013 dan Buku *Epilog Cinta Asrar*

oleh MASLIJAN ABD. RASAD

Majlis pelancaran Pertandingan Menulis Novel Remaja 2013 telah berlangsung di Sabah Hotel, Sandakan pada 15 April 2013. Majlis yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah dengan kerjasama Badan Bahasa Sabah (BAHASA) Cawangan Sandakan dan Kinabatangan itu telah dihadiri oleh 120 orang pegawai dan kakitangan awam kerajaan negeri dan persekutuan, sektor swasta dan penulis. Pada majlis yang sama, DBP Cawangan Sabah telah melancarkan buku *Epilog Cinta Asrar* karya Ismail Haji Salleh sebagai satu suntikan semangat kepada penulis lain di Sabah.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Jamaluddin Mohd. Sulong, Pengarah DBP Cawangan Sabah. Dalam ucapan, beliau menyatakan bahawa peranan teknologi maklumat dalam perkembangan ekonomi negara adalah sangat penting. Bagaikan dunia di hujung jari, setiap orang boleh mengakses apa sahaja maklumat yang berlaku sama ada di dalam dan luar negara menerusi pelayaran Internet. Dalam dunia penulisan pula, teknologi maklumat sangat

berguna kepada penulis untuk mencari ilmu bantu bagi meningkatkan mutu karya yang ditulis. Oleh itu, penggunaan teknologi maklumat seharusnya dimanfaatkan dengan sebaiknya. Selain itu, beliau menyokong dan menghargai usaha-usaha penulis-penulis di Sabah yang banyak menyumbang buah fikiran mereka dalam memangkinkan perkembangan industri buku negara. Beliau juga yakin dengan adanya pelancaran buku *Epilog Cinta Asrar* karya Tuan Haji Ismail Haji Salleh, ia dapat memberi semangat dan suntikan baharu kepada penulis lain untuk menghasilkan lebih banyak lagi karya yang bermutu pada masa akan datang.

Manakala, Pertandingan Menulis Novel Remaja 2013 merupakan salah satu landasan terbaik untuk menghasilkan karya yang bermutu dan setanding dengan kualiti karya antarabangsa serta relevan untuk semua lapisan masyarakat dunia. Penganjuran pertandingan ini juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk melihat perkembangan dan peningkatan mutu karya penulisan di negara kita, khususnya buku-buku yang ditulis dalam bahasa Melayu. Ini kerana kepentingan bahasa Melayu sebagai



Tanda terima kasih kepada penulis (kiri).



Rakaman kenangan bersama Pengarah (empat dari kanan).

bahasa kebangsaan perlu disematkan dalam diri setiap rakyat Malaysia agar kekuatan jati diri kita terhadap bahasa kebangsaan tetap utuh dan subur dalam sanubari anak-anak watan Malaysia tanpa mengira fahaman politik, agama, bangsa, darjat dan warna kulit. Insyaa-Allah hasrat murni pihak kerajaan terutamanya DBP dalam memperbanyakkan penerbitan buku tidak kira karya kreatif atau bukan kreatif akan tercapai. **W**

## Pelancaran Pertandingan Menulis Buku Umum Kategori Sejarah dan Bedah Karya Novel *Mariga*

oleh MOHD. ALMIEY MOHD. ALI

**D**ewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah telah melancarkan Pertandingan Menulis Buku Umum Kategori Sejarah pada 21 Mei 2013, di Hotel Promenade, Tawau. Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Hamisa Samad, Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah.

Pertandingan Menulis Buku Umum Kategori Sejarah diadakan untuk merencanakan lagi kegiatan penulisan buku umum di Sabah, menambah koleksi buku sejarah untuk rujukan, dan meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya peristiwa sejarah lampau dalam proses pembinaan negara bangsa Malaysia. Hadiah berupa wang tunai disediakan kepada para pemenang Pertandingan Menulis Buku Umum Kategori Sejarah. Tempat pertama akan menerima RM10,000.00, pemenang tempat kedua akan menerima RM7,000.00 dan ketiga akan menerima RM5,000.00. Dua pemenang sugu hati akan menerima RM2,000.00 setiap seorang.

Pada majlis yang sama, Bedah Karya

Novel *Mariga* karya Amil Jaya oleh Dr. Asmiaty Amat dari Universiti Malaysia Sabah turut diadakan. Seramai 150 orang undangan telah menghadiri majlis tersebut. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengarah DBP Cawangan Sabah, Haji Jamaluddin Mohd Sulung, Ketua Unit Penerbitan, Puan Norjanah Yusof, dan pegawai DBP Cawangan Sabah iaitu Muziat Yusof, Mohammed Almiey Mohd Ali dan Noorzanani Haji Kata. **W**



# P aragraf Hidup

oleh DAYANGKU MASTURA

“Melawat orang sakit adalah wajib bagi yang sihat. Disunatkan bagi seorang Muslim menziarahi saudara yang sakit itu, mendoakan kesembuhannya, menasihatinya agar bersabar, dan mengatakan ucapan yang menyenangkan hati.” Begitu petah Qaseh berkata dengan bola mata yang bening bercahaya, dan bibir mungil yang basah dengan senyuman.

“Amboi! Dah macam ustazah anak mama ni.” Dia mengusik walau telah maklum kalau Qaseh memang bercita-cita ingin menjadi ustazah. Senyuman terus menghias. Kini Qaseh telah berada di Tingkatan Tiga Solehah, aliran agama seperti kehendak sendiri.

Perasaan ibu mana yang tidak remuk-redam apabila memandang bayi kecilnya berselirat dengan tiub plastik yang dimasukkan melalui lubang hidung, tembus ke saluran perut untuk menyalurkan ubat dan susunya. Tubuh badan yang kekuningan, dada nipis yang berombak perlahan, urat hijau kebiruan berbirat di lapisan kulit tipisnya, mata kuyu tidak bermaya dengan suara tangisan yang amat perlahan. Entahlah tangisan atau sekadar regekan; terlalu rintih kedengaran, sulit dibezakan.

Begitulah keadaan bayi Monica yang baru berusia 72 hari. Bayinya yang diberi nama Casandra telah disahkan tidak mempunyai sistem hempedu. Memang Casandra masih kecil, tetapi itulah takdirnya. Dalam usianya 58 hari, Casandra terpaksa menjalani pembedahan tetapi sia-sia juga akhirnya apabila menurut doktor, saluran hati Casandra telah tersumbat semula.

“Banyakkan bersabar, Monica.” Hanya kata-kata itu yang mampu diluahkan, sebak mengepul di benak.

Dia telah turut maklum bahawa sebahagian hati Casandra telah rosak. Menurut doktor, tanpa pembedahan membuang bahagian hati yang telah rosak itu, hayat Casandra hanya bertahan dalam tempoh dua bulan sahaja. Monica yang tidak mampu menahan tangis, terus tenggelam dalam rangkulan duka. Apa lagi yang mampu dilakukan?

“Kasihlah Qaseh memandang Casandra. Apa yang boleh kita lakukan, mama?” Qaseh yang lebih banyak mendiamkan diri sejak tadi, mengejutkan dia yang belum habis keluh-kesah mengenangkan Monica.

Dia hanya menghela nafas. Memang tiada apa yang boleh dilakukan melainkan mendoakan yang terbaik untuk Monica dan keluarganya. Hanya menunggu! Siapa yang sudi memberikan sebahagian hati mereka? Jika ada, itu pun kalau sempat? Jika mengikut senarai pula, ramai yang terdahulu, juga menunggu giliran antara nasib dan simpati.

“Mama, kenapa sukar mendapatkan penderma organ? Bukankah kehidupan ini hanya pinjaman. Qaseh sanggup!” Dia tersentak demi mendengar ayat terakhir Qaseh. Keresahan menjalar, merusuh di jiwa.

“Jangan berkata begitu... Qaseh masih muda.”

“Casandra lagi muda, kecil dan tidak berdaya kecuali merengek.” Dia terkedu, bagaikan tamparan mengena pipi, memijar perit menjalar ke relung jantung. Qaseh



menyindir? Tidak mungkin! Dari renungan redup, dia tahu Qaseh benar-benar ikhlas. Tapi, fahamkah Qaseh apa yang dikatakan olehnya itu?

Sejak melihat kepayahan Monica menongkah arus takdir, fikirannya sentiasa bermusyawarah. Hinggalah pagi itu, dia berharap langkahnya ke ruang pejabat Yayasan Dermawan, adalah langkah yang betul dan mendamaikan gelombang gelora di jiwa. Entah kenapa hatinya bersungguh hendak mengetahui akan hukum menderma organ bagi seorang Muslim.

Puan Hajah Salbiah Jais, Pakar Rujuk Pusat Sumber Transplan Nasional - itulah maklumat am tentang wanita berusia lingkungan akhir 40-an itu, bertudung labuh; gempal; wajahnya bujur dan berkulit putih bersih. Wanita itu hanya memberi senyuman secalit.

Pertanyaan yang berterusan masih dilayani dan tidak sedikit pun mengubah riak wajah wanita itu.

“Pada dasarnya, memang tidak ada nas yang jelas tentang menderma organ di dalam al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Bagaimanapun, hal ini diperhalusi oleh para ulama khususnya ahli fikah berdasarkan ijtihad dan juga qias,” wanita itu membelek lembaran fail biru muda di hadapannya sebelum menyambung, “Dalam Islam, kita dituntut untuk menjaga maqasid syariah ataupun maksudnya matlamat syariah iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Apabila berlakunya darurat atau sesuatu yang boleh mengancam nyawa, maka ketika itu kita diharuskan membuat pemindahan organ. Maka, hukumnya adalah harus.” Dia termangu, berusaha mencerna setiap penjelasan berjela wanita itu.

Wanita itu berjeda sambil membelek semula lembaran fail biru muda, mencuri perhatiannya. “Pada 23 Jun 1970, Majlis Fatwa Kebangsaan telah menggariskan empat syarat

yang mesti diambil kira dalam menfatwakan hukum menderma organ sebagai harus, iaitu: pertama, pemindahan organ dibenarkan jika ia merupakan jalan terakhir untuk menyelamatkan nyawa seseorang yang mengalami kegagalan organ. Kedua, penderma organ mesti disahkan telah mati. Ketiga, mendapat kebenaran dari keluarga penderma. Keempat, tidak melibatkan urusan jual beli kerana sebagai derma. Ulama kontemporari termasuk Dr. Yusuf Al-Qaradhawi, yang terkini juga sepakat menambah bahawa menderma organ atau sel stem adalah harus dengan syarat-syarat iaitu tiada unsur perdagangan, terbukti boleh memanfaatkan atau meningkatkan kualiti hidup si penerima, tidak mendatangkan mudarat kepada penderma sama ada, penderma masih hidup mahupun telah meninggal dunia. Dan dilakukan untuk kepentingan umum dengan kebenaran penderma yang berniat ikhlas tanpa ada unsur paksaan.” Bagai dalam satu nafas, wanita itu menerangkan segala-galanya dengan berjela tetapi padat dan jelas.

“Isu kemasyarakatan seperti ini, sebenarnya perlu mendapat sokongan kuat dari kita yang beragama Islam. Sebab apa? Jika kita memberi, ganjarannya sudah tentu pasti, kerana pemberian kita bukan sebab berfikir organ tidak berguna pada badan setelah mati tetapi kerana memberi itu digalakkan dalam Islam. Bukankah nabi kita pernah bersabda bahawa; tangan yang di atas lebih mulia dari tangan yang di bawah. Tetapi sayangnya, masih ramai terutama umat Islam sendiri, terlalu skeptikal mengenai isu ini. Kenapa? Jawapannya kerana kurang ilmu pengetahuan.”

Dia terkedu sesaat sebelum jiwanya mengasak semula. “Bukankah anggota badan kita ini adalah amanah Allah dan perlu dijaga sehingga kita mati.” Terang-terus, dia ingin menguatkan kefahamannya. Dia tidak ingin kehidupannya seperti potpuri; wangi sementara, tapi bercelaru aneka warna dan jenis bunganya yang akan pudar juga nantinya.

“Jika puan percaya kepada kebangkitan di

hari akhirat, hal ini tidak perlu dibimbangkan. Bukankah apabila kiamat, semua makhluk akan hancur. Apabila dibangkitkan semula, keadaan tubuh kita adalah bergantung kepada amalan kita. Jika baik, maka sempurnalah ia.” Jawapan yang merungkai keraguannya.

Tapi aku berniat ingin menderma organ kepada mereka yang tidak seagama dengan aku; bisik hatinya.

Khali.

“Orang bukan Islam di Malaysia dikategori sebagai kafir zimmi, yang memberi taat setia kepada negara. Maka, kita wajib membantu mereka semasa mereka susah kecuali tentera yang jelas memusuhi umat Islam dan seorang yang murtad.”

Ah! Wanita itu menjawab isi hatinya.

“Bukankah jelas dalam Islam, apabila seseorang itu mencapai umur baligh dan sempurna akal, maka hukum taklif dikenakan ke atas mereka. Bermakna segala dosa dan pahala ditanggung sendiri. Ia tidak akan berpindah kepada orang lain. Jelas menerusi firman Allah dalam ayat al-An'am: 164 yang bermaksud: *Dan tiadalah kejahatan yang diusahakan oleh setiap orang melainkan orang itu sahajalah yang menanggung dosanya dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain.*

Subhanallah.

“Puan Qasidah, suka saya menyentuh fatwa yang dipersetujui oleh Majlis Fiqh Sedunia. Mahukah puan mendengarnya?”

Dia mengangguk dan semakin merasakan kekerdilan diri. Benarlah bahawa ilmu Allah terlalu luas untuk diterokai, penghalangnya hanya keegoan diri.

Dia menghela nafas, terasa ada satu jaringan kesyukuran demi mendengar wanita itu terus menjelaskan, menipis kemusykilan tentang apabila suatu organ tubuh itu dipindahkan dari orang kafir kepada orang Muslim atau sebaliknya. Betapa daifnya diri, sesungguhnya bahagian itu akan menjadi alat dalam menjalankan misi hidup, sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT. Organ di dalam tubuh orang kafir itu adalah Muslim,

maknanya sujud dan bertasbih kepada Allah SWT, sesuai dengan pemahaman yang diambil daripada al-Quran bahawa segala yang ada di langit dan di bumi ini sujud menyucikan diri kepada Allah SWT. Hanya manusia sahaja tidak mengerti cara mereka bertasbih. Unggas dan segala makhluk ciptaan-Nya berterusan memuji kebesaran Ilahi.

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: “Apabila seseorang itu mati, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang boleh dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh berdoa untuknya.

“Qaseh...” lirik suaranya memenuhi ruang yang berbaur dengan bau diesel dan hangit. Pandangan yang masih kabur dan semakin kelam, berbaur bau darah yang hangat mengalir dari arah kepalanya. Qaseh yang berada di sebelah kanan, tidak bersuara. Tangannya ingin menggapai tubuh Qaseh tetapi pandangannya semakin gelap dan terus ditutupi hijab.

Suara tangisan membingitkan kedengaran. Mata yang dibuka dengan kepayahan. Langit putih menjadi ruang pertama yang mengisi pandangan.

“Qasidah, bawa beristighfar.” Suara emak merisik di cuping kanannya.

Dia semakin berada di aras sedar. Wajah emak dengan mata yang sembam semakin jelas. Ingatan kepada tragedi yang berlaku semakin jelas.

Segalanya berlaku begitu pantas. Ketika dia menghantar Qaseh ke sekolah asramanya, tiba-tiba sebuah lori meluru keluar dari simpangan, dia hilang pertimbangan. Segalanya menjadi kacau-bilau.

“Qaseh ....” Ada gelombang yang mula memenuhi paru-paru. Terasa pernafasannya pendek.

“Qaseh telah tiada...” suara emak melengkapi hempasan ombak besar meranapkan dan menghanyutkan segala harapan dan impian... berkecai menjadi puing-puing hampa.

Qaseh dengan uniformnya serba putih

bersih, sebersih air mukanya - sesuci hatinya.

“Mama, kalau sempat ... minggu depan sebelum balik ke asrama, Qaseh nak ziarah Casandra, nak hadiahkan sesuatu untuknya. Bolehkan, mama?”

Dia yang fokus pada pemanduannya, berkalih memandangi Qaseh. Ada nada pelik dalam permintaan Qaseh tetapi dia enggan melayani keanehan itu.

“Qaseh nak bantu Casandra menghirup udara kurniaan Allah ....” Ternyata bicara Qaseh belum bertitik dan kata-katanya itu semakin aneh kedengaran. “Qaseh nak hadiahkan doa dan sebuah harapan baharu untuk dia, mama. Casandra berhak menikmati kehidupan yang lebih baik.”

“Qaseh, kita tidak dapat melawan takdir yang tersurat.”

“Mama, bukankah kita wajib percaya pada qadak dan qadar. Kita boleh berikhtiar dan tawakal kepada ketentuan Allah SWT. Dalam konsep *af-al ibad*, iaitu bermaksud setiap hamba berhak melakukan apa sahaja yang dikehendaki mengikut kemampuan sendiri.” Cahaya mata Qaseh menyilau indah, bibirnya tersenyum rapat.

“Yalah Ustazah Qaseh, nanti kita usahakan apa yang termampu untuk membantu Casandra.” Dia tewas dengan niat murni Qaseh.

“Janji ... mama akan membantu Qaseh. Kalau Qaseh tidak sempat, mama sampaikan hadiah Qaseh pada Casandra. Bolehkan mama?”

Dia larut dalam arus ingatanku. Kini, Qaseh telah tiada sebelum sempat menjenguk Casandra.

Hatiku terpagut, merawan seluruh sukma. Qaseh ... pengorbanan yang bakal dilakukan adalah sukar tetapi itulah “hadiah” Qaseh buat Casandra. “Hadiah” Qaseh yang tumbuh dalam diri Casandra, segar dengan kasih sayang yang tiada penghujung. Tangisan Casandra menjadi semakin nyaring, persis suara Qaseh ketika bayi dahulu.

Maha Suci Allah. 

## Hidup itu Perjuangan

**Judul:** *Epilog Cinta Asrar*  
**Penulis:** Ismail Haji Salleh  
**Pengulas:** Zaharudin Abd. Rahman


Novel ini mengupas satu persoalan sejagat iaitu perjuangan untuk hidup. Perjalanan hidup yang bersimpang-siur semuanya berpusatkan kepada urusan mencari rezeki yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada sekalian makhluk-Nya.

*Epilog Cinta Asrar* adalah sebuah novel yang memperlihatkan pengetahuan pengarang tentang dunia tarekat dan makrifatullah. Gambaran tentang ilmu ghaib dipaparkan dengan meyakinkan. *Epilog Cinta Asrar* menyerlahkan nilai moral dan perjuangan hidup yang tinggi, malah aplikasi ayat-ayat al-Quran disalurkan dalam watak seperti Asraf bin Muhammad (Pak Incang), Nur Syahidah, Pak Sahid, Nazrul, Johnny, Pak Kiai Haji Hasanuddin, Imam Panjang dan Hishamuddin.

Penulis menghuraikan perkara yang paling asas bagi seorang insan Muslim ialah keberanian bertarung dengan perasaan takut yang menghantui dirinya sendiri. Asraf atau Pak Incang berusaha untuk memulihkan sendiri penyakit yang dideritai selama ini dengan menggunakan kaedah alamiah dan amalan zikrullah tanpa henti selama 24 jam. Rawatan ini dinamakan sebagai perawatan hakikat insan bertawakal.

Perjalanan watak utama novel ini

iaitu Asraf bermula sebagai seorang graduan Universiti Malaya yang menjadi seorang pegawai kerajaan tetapi kemudiannya





terperangkap dalam amalan rasuah dan menjalani kehidupan yang serba mewah. Mujurlah langkahnya yang tersilap itu cepat disedarinya setelah dipertemukan jodoh dengan Cikgu Nur Syahidah, anak seorang yang alim dalam agama. Sebelum mendirikan rumah tangga dengan Nur Syahidah, Asraf segera bertaubat dan terus meletakkan jawatan serta memulakan penghidupan baru dengan menjadi seorang kontraktor.

Seterusnya, Asraf menceburkan diri dalam pelbagai bidang perniagaan dan pernah terlibat dalam usaha mencari emas peninggalan Jepun di Sabah melalui ilmu ghaib. Perniagaannya terbantut kerana ditahan oleh kerajaan. Keadaan yang lebih menyedihkan ialah apabila Asraf menghidap penyakit kencing manis yang kronik. Walau bagaimanapun, isteri dan anak-anaknya tetap tabah menghadapi dugaan ini dan sentiasa memberikan sokongan kepada Asraf. Kemudiannya, Asraf telah menghilangkan diri selama lima bulan. Sekembalinya Asraf ke pangkuan keluarganya, pelbagai peristiwa yang di luar jangkaan berlaku terhadap dirinya.

Berbekalkan pengalaman yang luas dalam bidang penulisan dan kewartawanan, penulis berjaya memasyarakatkan Islam dalam kalangan masyarakat majmuk yang begitu kompleks di Sabah. Penulis menghuraikan masalah kahwin campur, sikap saling hormat menghormati antara berbilang kaum dan sikap toleransi agama Islam dengan agama lain.


Penulis turut mengeksploitasi pelbagai jenis tumbuhan dan ikan yang terdapat di negeri Sabah dan tanah seberang, Indonesia yang jarang kita dengar seperti buah pedada, pucuk kiambang, kelipuk, ikan otek dan buah kalangkala yang menjadi penawar bagi penyakit kencing manis. Selain itu, gaya

bahasa percakapan harian masyarakat Sabah menambahkan lagi keceriaan persembahan novel ini.

Penulis adalah seorang daie yang mempunyai pendekatan yang sangat berhemah dan sederhana melalui medan karya sastera untuk mengembangkan Islam di sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai etnik, kefahaman agama serta budaya. Penulis telah meletakkan Islam sebagai satu agama yang progresif dan menjadi alat perpaduan antara kaum.

Ringkasnya, melalui *Epilog Cinta Asrar*, Ismail Haji Salleh melahirkan sebuah novel dakwah atau novel yang berunsurkan Islam secara tidak langsung di samping mempromosikan negeri Sabah sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik.

Ismail Haji Salleh pernah memenangi anugerah Hadiah Sastera Sabah 2008/2009 dengan novel sulungnya, *Iradat*. Kelebihan yang ada pada penulis membolehkan beliau menghasilkan novel dengan genre sastera berunsurkan Islam dengan teras utama novel iaitu persoalan aqidah.

Buku novel *Epilog Cinta Asrar* mengajak setiap anak Adam untuk berfikir ke hadapan. Apakah yang lebih bermanfaat bagi seorang pembaca selain daripada melakukan muhasabah diri dan merenung akan hakikat sebenar kehidupan manusia yang diciptakan oleh Tuhan Maha Agung. Novel ini memberikan satu alternatif kepada umum untuk memahami agama Islam secara yang lebih mudah dengan gaya bahasa yang bersahaja. Meskipun kulit depan buku ini tidak begitu menarik dan mengghairahkan, namun ini bukan merupakan satu kayu ukur untuk menentukan nilai kandungan buku ini secara keseluruhannya seperti kata peribahasa Inggeris, "*Don't judge a book by its cover*". 

# Apresiasi Tiga Puisi Pilihan

oleh ZAITON AJAMAIN

*“Poetry comes in many forms, but one thing that is common throughout all types of poetry is strong language. Poems are short. In order to make an impact! They must contain sparkling, specific words that grab the reader's attention and are fun and interesting to read....” “When you can't think of a single thing to write, that's a writer's block. It's frustrating, irritating, and enough to make you feel as if you're not a writer.”*

(1 & 2: Laura Purdie Salas, 2008. Write Your Own Poetry, USA: Compass Point Books).

*“Poetry is one of the Most intimate form of communication between writer and the reader...It's like a message sealed in a bottle, or tied to a balloon, or tossed into a time machine by a poet hopeful that somewhere sometime, how a stranger will read it and make a connection, find a meaning....”*

(Margareti Chapman & Kathleen Welton, 2010. Poetry for Beginner's. USA: For Beginner L.L.C)

Kali ini berdasarkan tiga catatan di atas, saya memilih untuk membicarakan proses apresiasi sesebuah karya seperti puisi. Proses ini juga melibatkan pencerapan dan pencerakinan oleh penulis sendiri sehingga selesai proses penciptaannya.

Alhamdulillah, kita bertemu lagi dalam ruang Analisis Puisi Pilihan dengan memanfaatkan tiga buah puisi pilihan *Wadah*, “Suara Rindu” karya Noratifah Jufirin, “Istana Bersama Ayah” karya Ami Syarif dan “Keanehan” karya Otak Jalama. Seperti analisis terdahulu, pendekatan penulis ialah melalui kaedah bimbingan. Hal ini kerana, penulis dapati pengarang perlu juga melalui proses pementoran, mudah-mudahan pengarang semakin mantap hasil karyanya.

Apakah dalam proses penciptaan, hal-hal yang perlu diungkapkan telah dipenuhi? Apakah dalam proses cerakinan (analisis) dan cerapan (tanggapan) terungkap aspek: tema, nada, suasana, perasaan dan amanat?

“Suara Rindu” karya Noratifah Jufirin, penulis muda, pendatang baharu dalam dunia penulisan puisi, mengungkapkan tentang kasih sayang anak terhadap ibu dan ayah, yang dirumuskan pengarang sebagai: “Kasihmu ayah tiada tandingan/kasihmu ibu hingga ke hujung nyawa”. Sementara itu, Ami Syarif juga penulis baharu turut mengungkapkan hasil cerakinan dan cerapannya terhadap kasih sayang ayah melalui “Istana Bersama Ayah”. Otak Jalama, memilih untuk membicarakan tentang “Keanehan”.

Proses kreatif ketiga-tiga pengarang melibatkan aspek apresiasi: proses mendengar dengan penghayatan yang sungguh-sungguh diikuti proses penulisan. Ada kalanya puisi yang dihasilkan, setelah itu akan berlaku pemurnian atau penyemakan sehinggalah pengarang berpuas hati.

Apresiasi puisi yang telah dihasilkan juga melalui proses pembacaan, sebagai cubaan

memahami puisi dengan mendalam, penuh penghayatan, berusaha merasakan apa yang telah ditulis, menilai apakah pengarang telah mampu menggarap menjadi hasil yang indah penuh estetik.

Apa saja bentuk puisi, yang menyerlahkan puisi berkenaan ialah kekuatan pengucapan melalui kekuatan bahasa. Puisi wajar padat, tepat dan indah serta berupaya menarik perhatian pembacanya. Maka dalam proses penciptaan ini, jika berlaku kesukaran/kebuntuan, maka pengarang pasti melalui “Kebuntuan Pengucapan” atau *Writer's Block*.

Situasi ini sering dikaitkan dengan ketandusan idea, tiada ilham. Masalah ini boleh diatasi melalui kebiasaan, disiplin penulisan yang utuh dan tekal, serta *intens*. Oleh itu, jika ketiga-tiga pengarang melalui proses penciptaan tersebut di atas, hasilnya pasti tidak mengecewakan.

Puisi “Suara Rindu” ialah tentang kerinduan ayah dan ibu terhadap “permata dikasihi” yang dinanti kunjungannya. Keduanya “setia menanti/berkunjung tiba permata dikasihi/ ... semoga penantian tidak dipersiapkan”. Tidaklah terlalu rumit untuk mengenal pasti tema/persoalan yang ingin diungkapkan, iaitu kerinduan, kasih sayang ibu bapa, yang juga mengungkapkan nada dan suasana puisi, sekali gus memungkinkan dirasai perasaan dalam puisi.


Apakah pula amanat yang ingin diutarakan oleh pengarang? Perkara ini dapat dikesan oleh pembaca, pesanan pengarang tentunya kepada pembaca yang sepatutnya mendapat kesan setelah membaca puisi. Sebagai contoh apakah kesan pembaca setelah membaca “Istana Bersama Ayah”? Lapisan kuasanya ialah “tercipta istana untuk permaisuri dan anakandamu/ tapi yang Esa lebih memerlukan dari istanamu”. Apa yang dapat dilakukan oleh

si anak ialah: berdoa – “doa untukmu berpanjangan”, sementara doa dari ayahnya: “berterusan”.

Saya dapati, hasil pembacaan dan usaha penghayatan terhadap “Istana Bersama Ayah” apa yang perlu dilakukan ialah *revise, revise, revise* sehingga kita berpuas hati. Dengan hasil ciptaan kita berupaya berdiri untuk membentuk satu entiti, kelancaran pengucapan dari satu stanza ke satu stanza yang berkaitan pasti mempunyai nilai kesatuan.

Membicarakan puisi “Keanehan” karya Otak Jalama, dan setelah kita membaca, cuba menghayati, menganalisis, kita tanya apakah yang “aneh?”. Apakah “keanehan” sekadar lontaran/cetusan perasaan melalui kata-kata? Jika demikian anehkah? Pengarang pada peringkat awal mengungkapkan kepelikan setiap “berlaku sesuatu kejadian/atau selepas kematian”. Setelah itu, pengarang memutuskan bahawa, “Tiada yang menghairankan/selain olahan cerita dan permainan kata-kata/tiada keganjilan/ yang mengejutkan...” Kesimpulan pengarang tentang “Keanehan”, “... sekadar teka-tekimu/penguji minda mencari jawapan/ ... ia tetap tanda kekuasaan Tuhan/ membuka pintu keinsafan...”

Sebagai penutup, puisi berkesan adalah puisi yang mengandungi “*sparkling. Specific words that grab the reader's attention and are fun and interesting to read...*”

“Puisi adalah karya sastera dengan bahasa yang dipadatkan, dipersingkatkan, dan diberi irama dengan bunyi yang padu dan pemilihan kata-kata kias (imajinatif). Kata-kata betul-betul terpilih dengan memiliki kekuatan pengucapan. Walaupun singkat dan padat, namun berkekuatan...” (Apresiasi Puisi, untuk pelajar dan mahasiswa, Herman J. Waluyo 2003. Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama, Jakarta). 

Apakah Ada Kesudahan di Penghujungnya?

*Tuan pernah bertanyakan tentang tujuan dan natijah ciptaan  
tuan pernah bertanyakan tentang hikmah dan pengajaran  
tuan juga bertanyakan tentang dosa dan pahala  
banyak juga perkara lain yang tuan bertanyakan  
medan fikiran aku menerawang mencari ilham jawapannya  
apakah ada kesudahan di penghujungnya?*


*Tuan mempersoalkan arahan dan cadangan  
tuan mempersoalkan adab dan santun  
tuan juga mempersoalkan peraturan dan larangan  
banyak juga perkara lain yang tuan harapkan  
lantas aku menyingkap budi dan jasa tuan  
apakah ada kesudahan di penghujungnya?*

*Tuan mengharapkan kebaikan dan kebenaran  
tuan mengharapkan kesetiaan dan ketulusan  
tuan juga mengharapkan kejayaan dan keadilan  
banyak juga perkara lain yang tuan harapkan  
lantas aku menyingkap budi dan jasa tuan  
apakah ada kesudahan di penghujungnya?*

*Namun  
kesudahan di penghujungnya  
yang dikecapi hanya kemurungan  
dan kekecewaan  
menempuh dugaan liku-liku perjalanan hidup  
kelesuan melawan ujian  
dan keperitan menelan kepahitan kegagalan  
kehibaan  
dan kesedihan hati yang tidak seceria  
dan seindah dahulu  
kehilangan kasih sayang  
dan kecelaruan penghayatan persahabatan sejati  
apakah ada kesudahan di penghujungnya?*

*Kerinduan kepada nostalgia dahulu kian hari kian bertambah  
natijahnya membawa kepada kata-kata sumbang  
kekesalan dan dendam kesumat  
kepada empunya angkara  
entah bila kita boleh bersua  
dan berbicara lagi kerana lautnya tetap bergelora  
bukankah tuan pernah berikrar dengan laungan keramat  
sepakat dan kolektif menjulang kecemerlangan  
menggalas badai meredah zaman menggapai impian  
kalau bukan kita siapa lagi!  
dahulu kita sesama seiring, kini kita jalan berpaling  
apakah ada kesudahan di penghujungnya?*

Baharom Mohd Noor



Riang Ria

*Si kecil ketawa riang  
si ibu tak cukup tangan  
si ayah sedia tabungan  
keriangan menanti kunjungan.*

*Tiba taulan dinantikan  
ikatan tulus janji termeterai  
tanda saudara sedarah  
tidak mengira apa warna  
yang itu dituju  
sekata seia  
aman sentosa.*

*Pinta anak bangsa  
tiada sengketa  
tiada dusta  
tidak derhaka  
aman damai pada hari bahagia.*

Sanelawa

Kupintal Awan

*Aku amati keputihan tompokan awan  
yang berarak jauh ke sudut tertentu  
betapa kehalusan gerakannya  
menguja aku meyakinkan diri  
membentuk sebuah kepercayaan  
meneluskan sebenar dalam imajinasiku.*

*Aku khayalkan kiranya  
awan-awan itu aku kumpulkan  
kalau dapat aku pintalkan seeloknya  
untukku menautkan segulung benang  
aku anyam menjadi sebidang kain  
melaluinya aku jadikan sehelai baju  
untuk membaluti dirimu  
sehalus sutera aku titipkan  
membungkus tubuhmu yang empuk  
mengelak serangan fitnah dunia  
kerana itu adalah seruan agama  
dituntut menutup aurat.*

Mad Sakiran Haji Sulaiman

Uban

*Sampai waktunya  
kuhitung denyut usia  
melihat kedutan di dahi  
berkerut garisan ombaknya  
melata padang rumput  
warna putih pasir  
memurih seribu waja*

*uban bukan penentu tua  
mengubah ke musim cuma  
uban juga bukan penentu kematian  
untuk kugadai impian  
tapi bila dijemput pergi  
aku bersedia dan sudi*

*yang kembali pada-Nya bukan uban  
tapi segala "hati"  
Dia Maha Melihat "hati"  
perjalanan hidup  
yang tak berputaran kembali  
"hati" yang menjadi saksi.*

Kamal Ishak



Apakah yang Kaucari; Diri

*Apakah yang kaucari; diri, masa kian berlalu pergi.  
Haruman kasturi telah melewati zaman. Engkau telah mencipta jalur kehidupan.  
Dunia terlalu asyik untuk dinikmati; tapi kata-kata pujian hanya untuk Tuhan.  
Tiada tepukan gemuruh. Hanya keheningan yang masyhur di hadapan  
para malaikat.  
Namamu akan diperkatakan; kalau benar engkau telah berbakti.  
Kerana nama Allah lebih bererti.  
Dari setiap butiran tasbih yang kaulafazkan pada hening pagi.*

*Apakah yang kaucari; kasih, cinta kasturi hanyalah haruman masa.  
Tiada kasih sayang tanpa batas rasa. Kerana dunia hanyalah getir kehidupan.  
Laman percintaan mencari erti kasih; tersimpan sebagai khazanah keindahan.  
Dalam rahsia alam remaja hanya setitis madu yang kaucuba hirup.  
Dari selautan manisan rahsia sedang menunggu setia para bidadari syurga.*

*Apakah yang kaucari; erti, rahsia perbendaharaan tersembunyi.  
Dalam selimut keangkuhan. Dalam mata keghairahan.  
Dalam nafas nafsu kehidupan.  
Apakah yang kaucari; selain rahsia tentang dirimu sendiri.  
Yang wujud kerana satu kewujudan. Dan; Kau ada dalam keberadaan-Nya.  
Apakah yang kaucari; Tuhan di mana...?*

A. Karim Kadir




Makam Rindu

*Perlahan, samar kian terpahat dan mengintai di balik jendela kata berpelangimu  
kausempatkan membingkai rindu di laman bahagiaku  
dan kita bertitip salam, antara pesan dan kesal  
pada rasa yang sesekali berdenyut perih nan sakit  
aku berdoa sebatas sisa kasih yang kelmarin  
yang sempat bermalam di kamar fikir  
sementara bulan tetap menghujan dengan rintik cahaya damai perkasihan  
biar saja kutelan seluruh air mata ini hingga ke dasar samudera,  
dan berharap sebatas tahu tanpa pernah ingin memahami,  
sama seperti siang dan malam yang mengajariku memintal angan  
sambil mengingat cara-cara mengaduh tanpa harus kesakitan  
dan, kubiarkan mentari kedinginan di musim kemarau  
aku dalam diam meramas luka rinduku kembali...*

*ternyata hadirmu kelmarin tak lebih seperti embun  
padahal dulu pernah aku lakarkan nisan kata setelah kautemukan  
makam rinduku  
maunya kuajak saja rasa sepi ini menjadi selenggok batu  
dan sekarang katakan padaku apa lagi yang tak mungkin  
atau kugigit rindu ini tanpa kembali ke rumah hatimu!*

Jaliha Jaman



Dari Raut Wajah Itu

*Dari raut wajah itu  
aku lihat ada sinar pelangi pagi  
membiaskan cahaya cinta  
mengakrabkan alam maya nun saujana  
membuatkan aku terpanah  
dalam alpa yang asyik tak terucapkan.  
Dari raut wajah itu  
aku lihat ada sinar mentari siang  
menebarkan cahaya kasih  
mengakrabkan alam maya nun saujana  
membuatkan aku sedar  
aku hanyalah insan kecil di sisi-Nya  
Dari raut wajah itu, aku lihat ada  
nur bulan membias cahaya gemilang  
mengakrabkan doa pasrahku  
membuatkan aku insaf  
betapa Dia Yang Maha Besar.*

Rozeline Vitalis

# Cerpen

## Mencipta Cara Hidup Berbudaya

oleh S.M. ZAKIR

Menurut seorang ahli budaya dan antropologi Inggeris Raymond Williams, konsep kebudayaan merupakan konsep antropologi kerana berpusat kepada makna sehari-hari. Kebudayaan tidak dibangunkan secara individual tetapi secara kolektif sehingga kebudayaan mengacu kepada makna yang dimiliki bersama. Kebudayaan mungkin dimulai sebagai kata kerja yang dikaitkan dengan perkembangan pertanian iaitu kerja bercucuk tanam (perkataan *culture* yang datang dari akar kata *cultivate*) yang dibuat secara kolektif dan membentuk amalan bersama sehari-hari. Gagasan tentang bercucuk tanam yang membentuk amalan sehari-hari ini diperluaskan dan memunculkan gagasan tentang orang yang “terpelihara” atau “berbudaya”. Maka budaya ialah cara hidup manusia secara keseluruhan yang wujud daripada pengalaman sehari-hari. Kebudayaan kemudian muncul sebagai peradaban manusia.

Sastera Inggeris pada suatu ketika mengambil gagasan yang dikemukakan oleh Williams untuk menggambarkan cara hidup manusia sehari-hari dalam memberikan citra kepada cerpen, novel, puisi dan drama. Ia mewujudkan zaman romantis. Tetapi, cara hidup manusia perlu digambarkan sebagaimana kenyataan sehingga muncul zaman realisme. Tetapi zaman ini juga menyaksikan keinginan penulis untuk mencipta cara hidup manusia berbudaya, yakni menulis tentang nilai-nilai yang mereka fikirkan wajar. Penulis mencipta cara hidup dalam fikiran mereka, sekali gus membangunkan “cara hidup” kolektif sebagaimana yang disarankan oleh Williams. Sama ada akhirnya ia adalah cara hidup sebenar atau sekadar bayangan nilai yang dibayangkan

penulis atau karya sastera muncul sebagai cita-cita individu untuk membangunkan cara hidup berbudaya.

Dua buah cerpen yang diulas pada kali ini dapat dilihat sebagai cita-cita penulis untuk membangunkan “cara hidup” berbudaya sekali gus nilai yang mereka fikirkan wajar. Malah dalam pendekatan tertentu penulis cuba membangunkan nilai dengan menggambarkan perlakuan yang tidak wajar sebagai perbandingan untuk melihat teladan dan sempadan. Dalam cerpen “Pak cik” karya N.R. Rahim, penulis cuba membangunkan nilai-nilai daripada cara hidup berpolitik pak cik. Pertamanya penulis menggambarkan pak cik sebagai seorang penulis yang menulis hal-hal politik dengan pedas. Kemudian pak cik digambarkan berpihak kepada *United Borneo Party* (UBP), dan tulisannya menaikkan kemarahan parti lawan iaitu *United Borneo Organisation* (UBO). Seterusnya digambarkan pak cik sebagai orang politik yang memihak kepada mana-mana parti yang menang atau dapat memberi keuntungan kepada dirinya. Pada masa yang sama, penulis cuba menggambarkan realiti politik tempatan dengan pelbagai suasananya. Watak dikembangkan sebagai watak bulat, yakni manusia yang mempunyai sifat baik dan buruk. Pak cik menulis tulisan yang mengkritik parti lawan kerana bekerja dengan syarikat akhbar yang dipegang UBP. Pak cik mengambil sikap praktikal dalam menjaga kepentingan hidupnya. Latar belakang watak pak cik iaitu seorang yatim piatu, dibesarkan oleh datuknya, bekerja sebagai guru dan kemudian berhenti untuk bekerja sebagai wartawan memberikan “penjelasan” tentang watak pak cik hidup sebagai manusia praktikal dalam mencapai cita-cita dalam hidup seterusnya menjadi



manusia yang berguna.

Dalam politik, pak cik memilih jalan hidup yang juga praktikal, dengan melompat dari parti UBP yang kalah kepada *Borneo People Party* (BPP) yang menang. Pak cik hidup senang sebagai pemimpin kecil BPP. Tindakan pak cik melompat parti tentunya dianggap sebagai tindakan tidak beretika malah tidak bermoral. Tetapi penulis ingin menjelaskan tentang realiti politik tempatan, bahawa politik bukan sekadar perjuangan untuk masyarakat tetapi juga sebagai tempat mendapat laba dan faedah diri sendiri. Dalam kehidupan, pak cik juga mempunyai musuh seperti kebiasaan dunia politik. Ahli dan penyokong UBO cukup memusuhi pak cik. Tetapi pak cik sedia maklum dengan semua masalah itu, malah dunia politik bagi pak cik adalah dunia serba mungkin. Walaupun mungkin pak cik setia kepada UBP, tetapi pak cik juga melihat percaturan politik sejajar dengan kepentingan dirinya. Rangkap akhir atau penyudah kepada cerpen ini memberikan kesimpulan kepada kehidupan politik pak cik sekali gus realiti politik tempatan pada hari ini. Rangkap ini menyatakan, *“Tentu pak cik mempunyai perancangan lain menjelang kekalahan parti yang disokongnya itu. Selepas pilihan raya umum mungkin pak cik mahu menukar ideologi politik untuk keuntungan dirinya.”*

Penulis memberikan gambaran tentang dunia atau realiti politik tempatan yang menjadi ruang kepada ahli-ahli politik mencatur laba untuk kepentingan diri. Di sini penulis cuba memberikan nilai-nilai tertentu dengan secara tidak langsung. Penulis menggambarkan dunia politik sebagai tempat ahli politik mengambil peluang dan menjadi manusia oportunistik, secara tidak langsung menjadikan cerpen ini sebagai kritikan terhadap sikap dan gejala negatif dalam dunia politik. Maka secara tidak langsung, cerpen ini semacam berusaha membangunkan nilai yang menentang sikap dan gejala buruk tersebut. Nilai ini tentulah nilai manusia politik yang jujur dalam perjuangan membela rakyat tanpa mengira kepentingan dirinya. Nilai ini tidak dinyatakan oleh penulis, tetapi

memperlihatkan sikap dan tindakan yang tidak wajar dilakukan. Ini secara automatik akan membangunkan kesedaran tentang suatu bentuk nilai baik yang bertentangan dengan gejala buruk tersebut.

Pada masa yang sama, penulis juga memberikan sebuah dunia kehidupan alamiah yakni amalan-amalan hidup yang dilakukan akibat tekanan atau keadaan persekitaran. Keadaan persekitaran dunia politik yang sebegitu menjadikan manusia diacu kepada perlakuan tipikal yang sedemikian rupa. Maka sikap dan tindakan pak cik seakan-akan dibentuk oleh tekanan dalam dunia politik yang sedemikian. Maka pak cik diwujudkan sebagai watak bulat, pertimbangan baik dan buruknya bergantung kepada keadaan dan persekitaran yang melingkunginya. Cerpen ini menjelaskan tentang keinginan atau kesedaran penulis dalam menggambarkan cara hidup dunia politik, sekali gus melihat kewajaran baik dan buruk daripada persekitaran serta keadaan dunia politik yang sedemikian rupa itu sendiri. Di sinilah penulis cuba membangunkan cara hidup masyarakat berbudaya yang melihat kepada nilai perjuangan orang-orang politik; mengejar kepentingan diri atau kepentingan masyarakat. Penulis tidak memberikan suatu penjelasan, tetapi memberikan suatu ironi untuk ditafsirkan pembaca.

Cerpen kedua, “Paragraf Hidup” oleh Dayangku Mastura mengangkat kisah Qaseh remaja tingkatan tiga aliran agama yang berasa tersentuh dengan penderitaan Casandra bayi kepada Monica, teman ibunya Qasidah. Casandra yang baru dilahirkan tidak mempunyai sistem hempedu dan hatinya juga telah rosak. Casandra hanya mampu bertahan hidup dua tahun dan mengharapkan simpati penderma organ untuk menyambung hayatnya. Tetapi insan manakah yang sanggup mendermakan hati mereka? Di sinilah terdetik kesedihan di hati Qaseh dan Qaseh telah menyatakan kesanggupan untuk menderma hatinya kepada Casandra. Tetapi Qasidah keberatan kerana anaknya Qaseh masih muda. Lagipun timbul pula persoalan agama, Qaseh beragama Islam dan Casandra bukan beragama Islam. Penulis kemudian menimbulkan

persoalan hukum menderma organ dalam Islam, dan menampilkan dalil-dalil yang mengharuskan perdermaan organ termasuk kepada penerima bukan Islam. Malah ia diperkuatkan dengan dalil-dalil perubatan saintifik. Tiba-tiba terjadi peristiwa Qaseh kemalangan dan meninggal dunia. Qasidah dalam kesedihan yang teramat sangat terkenangkan hasrat murni Qaseh untuk menderma organnya kepada Casandra. Maka hasrat Qaseh ditunaikan, dan hati arwah Qaseh didermakan kepada Qasandra.


Cerpen ini jelas memaparkan hasrat penulis untuk mencipta cara hidup orang berbudaya, iaitu dengan membuat kebaikan antara masyarakat seperti yang dilakukan Qaseh dan Qasidah yang menderma organ untuk kelangsungan hidup Casandra. Penulis memberikan gambaran yang sangat jelas dalam cerpen ini tentang hasrat yang dibayangkan melalui kisah yang dipaparkan. Kisah ini memaparkan nilai pengorbanan yang besar ahli masyarakat terhadap ahli masyarakat lain yang memerlukan bantuan. Jika amalan mulia ini menjadi amalan dan pegangan, nescaya sebuah masyarakat yang saling membantu akan wujud dan seterusnya melahirkan keharmonian dan kesejahteraan. Melalui cerpen ini, penulis melahirkan hasratnya atau membayangkan cara hidup masyarakat berbudaya, yang hidup dengan nilai saling bantu membantu hatta melakukan pengorbanan yang besar tanpa mengira bangsa dan agama. Secara tidak langsung cerpen ini cuba mencipta cara hidup masyarakat berbudaya dalam bayangan fikiran penulis, yang kemudian dizahirkan dalam cerpennya itu. Maka cerpen ini semacam mencipta suatu bentuk nilai dan melahirkan cara hidup masyarakat berbudaya.

Kedua-dua cerpen ini mencipta cara hidup masyarakat berbudaya, dalam bayangan yang dihasratkan oleh penulisnya. Hal ini menepati konsep yang dikemukakan oleh Williams, bahawa manusia mempunyai bayangan nilai dan cara hidup berbudaya dalam fikiran mereka. Maka mereka cuba melahirkannya dalam pelbagai bentuk sikap, tindakan dan pernyataan. Salah satu bentuk pernyataannya ialah melalui karya kreatif seperti cerpen. Apa yang disebut oleh Williams dapat ditelusuri

melalui kedua-dua buah cerpen ini. Walaupun kedua-dua buah cerpen ini mungkin berjaya dalam membentuk bayangan nilai dan cara hidup masyarakat berbudaya, tetapi masih terdapat juga kelemahan dari aspek struktural yang mungkin dapat diberikan perhatian pada masa akan datang.

Cerpen “Pak cik” menggalurkan sebuah cerita yang bergerak mendatar atau linear sehingga mengurangkan aspek keterujaan pembaca. Gaya penceritaan yang linear dikhuatiri menjadikan cerita hambar dan tidak menarik pembaca. Malah, ceritanya bergerak seperti sebuah penulisan berita yang tidak mencipta konflik, pergerakan watak yang lebih beraksi dan cerita yang dramatik. Walaupun bentuk penceritaan adalah pilihan penulis untuk membentuk gaya penceritaannya yang tersendiri, tetapi ada baiknya juga penulis mengambil kira aspek kekaguman pembaca dalam memberikan cerita yang dapat menarik hati pembaca.

Cerpen “Paragraf Hidup” mungkin kelihatan begitu berjaya pada mulanya dengan penekanan kepada aspek emosi watak, penceritaan yang dramatik dan ketekalan fakta-fakta serta dalil dalam memberikan sebuah cerita yang cukup hidup dalam hati serta fikiran pembaca. Tetapi kematian Qaseh dengan tujuan untuk membolehkan hatinya didermakan kepada Casandra seperti mewujudkan unsur *dues ex machina*, yakni kehadiran tangan dewa (penulis) untuk menyudahkan cerita. Ceritanya terasa hilang unsur alamiah, atau kespontanan sebaliknya seperti dirancang sebuah penyelesaian yang mudah dan diada-adakan. Selain itu, isi cerpen ini seperti pernah dibaca tersiar dalam penerbitan lain.

Kesimpulannya, kedua-dua cerpen ini dapat dilihat sebagai usaha penulis untuk membayangkan tentang hasrat mereka dalam mewujudkan nilai atau cara hidup masyarakat berbudaya. Seterusnya membangunkan tindakan yang menuju kepada kepentingan kolektif. Tentunya cerpen-cerpen ini berjaya menghadirkan nilai pemikiran yang baik. Terdapat kelemahan kecil dari aspek struktural, tetapi tidaklah menjejaskan aspek pemikiran dan nilai yang ingin disampaikan. 

Pertandingan Menulis

# NOVEL REMAJA

2013



## HADIAH

Tempat Pertama : RM7,000.00  
Tempat Kedua : RM5,000.00  
Tempat ketiga : RM3,000.00  
Sagu hati (5) : RM1,000.00

Anjuran



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
CAWANGAN SABAH

Tarikh Tutup  
31 Disember 2013

Pertandingan Menulis

# BUKU UMUM

Kategori Sejarah 2013/2014



## HADIAH

Tempat Pertama : RM10,000.00  
Tempat Kedua : RM7,000.00  
Tempat ketiga : RM5,000.00  
Sagu hati (2) : RM2,000.00

Anjuran



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
CAWANGAN SABAH

Tarikh Tutup  
30 April 2014

Dapatkan borang penyertaan  
pertandingan daripada:

Urus Setia,  
Unit Penerbitan,  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sabah,  
88999 Kota Kinabalu.  
Tel.: 088-439315/316  
Faks: 088-439318/732

## Hikayat Hangus oleh Sejarah

*Jangan disiat hati kami  
dengan menyingkap hikayat tua  
sudah hangus dibakar sejarah  
debunya hanyut di laut Sulu.*

*Bukan lahir di hulu Kinabatangan  
mana tapak bondamu  
di kampung Inanam  
mana kotamu di bukit Putatan  
mana tugumu di Tibabar  
bukan wira perkasa  
kau bukan Paduka Mat Salleh.*

*Kau bukan raja lembah  
tetapi pendatang jauh dari Samudera  
atas sumpah sejarah.*

*Bukan lahir di Limauan  
tidak ada keringat atas bendera  
bukan Wali Adiwangsa  
kau bukan Tun Mustapha.*

*Kau bukan raja lembah  
tetapi pendatang jauh dari Samudera  
atas sumpah sejarah.*

*Kau datang dengan barung panjang  
untuk merobek kami  
dan lembah ini.*

*Jangan mendarat  
di pantai ini  
pasirnya berdarah.*

Jamdin Buyong  
Putatan,  
2013

## Tenggelam dalam Bahasa Ombak

*Aku suka bahasa beburing  
memercik reranting kayu  
melerai meluluh pilu.*

*Aku suka bahasa laut  
jika marah menepis lembut  
menderu mengurai rambut  
mengusik membelai-buai.*

*Aku benci bahasa bibir  
susila luntur sebudi cair  
lagu sengketa irama fitnah  
berputik mekar bunga bencana.*

*Kerana itu di pucuk senja  
jauh di tabir langit  
aku berkawan dengan perahu  
biar sama tenggelam  
dalam bahasa ombak menirus rindu.*

Jamdin Buyong  
Kuala Petagas, Putatan  
April 2013

## Pohon Zuriat Soleh

*Kelopak kembang melati pagi  
diusik mesra embun meniti  
mekar wangi mengocak senyum  
serumpun desa dipercik harum.*

*Kau bukan kuntum hiasan  
bukan juga jambak hiburan  
kau mahligai rindu belaian kasih  
pagar iman permata sayang  
pohon zuriat anak yang soleh.*

*Dari desa sepi ke kota mewah  
jangan sesat ke simpang jauh  
luntur pancar cahaya budi  
malap bintang sinaran hati.*

*Dakilah puncak syahdu  
dengan obor pelita iman  
hingga sampai langit pelangi.*

Jamdin Buyong  
Bukit Bintang,  
2013